**Isytihar harta lagi** MS3



**KN biayai kos tangki bocor** MS8



**Judo ajar jangan putus asa** MS 23



PERCUMA

buletin Mutiara




16 – 31, OGOS 2013

http:www.facebook.com/buletinmutiara
http:www.facebook.com/cmlimguaneng

*Negaraku Selamat, Bersih, Hijau, Sihat - Selamat Menyambut Hari Kemerdekaan ke-56*

# Speaker DUN, TKM1 kini bergelar 'Datuk'

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN -** Timbalan Ketua Menteri I, Mohd. Rashid Hasnon merupakan antara kepemimpinan Kerajaan Negeri yang menerima Darjah Yang Mulia Pangkuan Negeri (D.M.P.N.) yang membawa gelaran 'Datuk' pada Majlis Istiadat Anugerah Darjah Kebesaran, Pingat Kehormatan di sini baru-baru ini.

Seorang lagi, Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tambun, Law Choo Kiang menerima anugerah D.M.P.N. yang turut membawa gelaran 'Datuk' sempena Hari Jadi Kali Ke-75 Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang, Tuan Yang Terutama Tun Abdul Rahman Abbas.

Datuk Mohd. Rashid Hasnon, 53, semasa dihubungi berkata, anugerah 'Datuk' itu diharap menjadi dorongan kepada beliau sekeluarga untuk terus berjuang membela kepentingan rakyat.

"Anugerah ini, bagi saya, bukan bersifat peribadi, tetapi, suatu pengiktirafan dan menjadi harapan rakyat untuk terus memastikan sistem yang adil subur di negeri ini," ujarnya yang juga ADUN Pantai Jerejak.

Mohd. Rashid berkata, di sebalik kedudukannya sekarang ini, isteri, Nor Azizah Haron, 53, banyak membantu.

"Selalu saya kata, apa yang ada hari ini bukan atas kedudukan peribadi saya, tetapi kekuatan berpasukan enam pegawai di pejabat TKM1, tujuh pembantu di pejabat khidmat DUN saya.

"Saya bersyukur, isteri dan anak-anak memahami bahawa mereka terpaksa berkongsi ayah mereka dengan warga Pantai Jerejak dan rakyat Pulau Pinang umumnya.

"Kalau pengorbanan itu ertinya memberi sesuatu di luar kemampuan kita, itulah pengorbanan yang isteri dan anak-anak selalu berkongsi selepas saya memikul amanah sebagai salah satu pemimpin dalam Kerajaan Negeri ini," ujar beliau.

Datin Nor Azizah yang dianggap sebagai kawan, menurut Mohd. Rashid merupakan tenaga pendidik serta Penolong Kanan di sebuah sekolah berprestasi tinggi di Pulau Pinang.

Nor Azizah, katanya lagi, turut memikul amanah sebagai Timbalan Pengerusi Persatuan MUTIARA atau Persatuan Isteri-Isteri Exco Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Sementara itu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dalam satu sidang media menyeru seluruh rakyat tanpa mengira kaum supaya bersama-sama kepemimpinan Kerajaan Negeri menzahirkan serta memperbaharui ikrar taat setia kepada T.Y.T. Tun Abdul Rahman Abbas sempena istiadat kali ini.



**LAW Choo Kiang dan isteri.**

Beliau berkata, kemakmuran Negeri Pulau Pinang di bawah Abdul Rahman antaranya disebabkan oleh tadbir urus Kerajaan Negeri secara Cekap, Akauntabel dan Telus (CAT).

"Saya percaya dengan perancangan yang baik dan usaha yang gigih serta tahap integriti dan akauntabiliti yang tinggi, negeri ini akan bertambah makmur.

"Oleh itu, saya menyeru agar semua lapisan rakyat senantiasa bersatu-padu, hormat-menghormati dan bekerja sama di antara satu sama lain.

"Sekali lagi, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih atas jasa bakti dan keprihatinan Tuan Yang Terutama Tun dan isteri (Toh Puan Majimor Shariff) dalam meneraju pemerintahan negeri ini," ujar Guan Eng sambil mendoakan kesejahteraan hidup kedua-dua pemimpin utama negeri berkenaan.



**MOHD. Rashid Hasnon yang lengkap berseragam dengan ditemani isteri, Nor Azizah Haron pada majlis Istiadat Anugerah Darjah Kebesaran, Pingat Kehormatan di sini baru-baru ini.**

## RALAT

**KETUA** Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menyerahkan RM97,500 atau RM300 seorang kepada lebih 300 pemandu teksi serta pemandu kereta sewa peringkat Seberang Perai Tengah (SPT) dan Seberang Perai Selatan (SPS) sahaja.

Sumbangan itu diserahkan melalui Presiden Gabungan Pertubuhan Pemandu Teksi dan Kereta Sewa Pulau Pinang (GABUNGAN), Abd. Malik Darus dalam satu majlis di Kompleks Ibu Pejabat Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dekat Bukit Mertajam.

Pun begitu, jumlah itu sebenarnya tidak termasuk keseluruhan sumbangan insentif serupa yang turut diagihkan di daerah-daerah lain di seluruh Pulau Pinang.

Sumbangan itu dikotai sebagaimana dijanji dalam Manifesto Pakatan Rakyat Pulau Pinang pada Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU13), 5 Mei lepas.

Guan Eng berkata, Kerajaan Negeri akan mengagihkan insentif RM600 tiap-tiap tahun, iaitu RM300 pada awal tahun dan bakinya pada akhir tahun.

Penjelasan ini sekaligus membetulkan beberapa fakta dalam berita berjudul Pemandu teksi lebih perlu insentif RM300 – KM yang disiarkan pada muka depan akhbar Buletin Mutiara keluaran 1-15 Ogos 2013, lepas.

# P.Pinang sokong kuburkan Lynas - KM

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**



**KETUA Menteri (lima dari kiri) dan kepemimpinan Kerajaan Negeri serta badan bertindak bersama-sama mengangkat kain rentang "Kuburkan Lynas dengan Sejuta Tandangan" pada majlis pelancaran kempen agresif peringkat negeri di sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng secara terbuka menyokong kempen kutipan sejuta tandatangan membantah operasi Lynas di Kuantan, Pahang yang digerakkan oleh dua badan bertindak, iaitu Himpunan Hijau dan Selamatkan Malaysia, Hentikan Lynas.

Beliau mengulangi pendirian Kerajaan Negeri itu pada majlis pelancaran kempen peringkat negeri di sini baru-baru ini.

"Memang (kempen) ini mendapat sokong secara peribadi, malah oleh Kerajaan Negeri.

"Pulau Pinang tidak akan membenarkan mana-mana kilang Lynas atau kilang nadir bumi di(bina) di Pulau Pinang," ujar Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan.

Pengerusi Himpunan Hijau, Wong Tak yang mengetuai delegasi kehijauan dari Kuantan turut menyertai sidang media bersama Guan Eng.

Hadir bersama, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh, Datuk Abdul Malik Abul Kassim (Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna) dan Ng Wei Aik (Ahli Parlimen Tanjong).

Guan Eng yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih itu turut menasihatkan pentadbiran Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak supaya tidak membina loji sisa nadir seperti Lynas di mana-mana negeri berjiranan dengan Pulau Pinang.

Ini kerana, katanya, pemajuan projek tidak mesra alam itu sedikit banyaknya akan turut memberi kesan kepada rakyat di Pulau Pinang nanti.

Respon beliau itu sebagai mengulas cadangan Kerajaan Pusat sebelum ini untuk membina dua lagi kilang memproses nadir bumi di tanah air ini.

"Kita juga akan mengharamkan mana-mana loji reaktor nuklear di Pulau Pinang kerana Kerajaan BN (Pusat) ada menyatakan untuk membina dua loji reaktor nuklear (di negara ini), tetapi, yang pasti bukan di negeri-negeri Pakatan Rakyat," tegas beliau.

Perkembangan terbaru itu sekaligus membuktikan komitmen Kerajaan Negeri dalam merealisasikan kempen Pulau Pinang Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat.

**SINDIR MUTIARA** Oleh: **Sam**



# P.Pinang isytihar harta lagi!

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN -** Semua Exco dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pakatan Rakyat Pulau Pinang sekali lagi mengisytiharkan harta masing-masing demi menyemarak budaya integriti di negeri ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, kali pertama budaya integriti itu dilakukan pada sebelum PRU13.

"Sebagai melaksanakan janji manifesto Pakatan Rakyat pada Pilihan Raya (Umum) Ke-13 (PRU13) lepas, bahawa kita akan memperluaskan (amalan) pengisytiharan harta kepada semua ADUN.

"Sebagai Kerajaan 'cakap serupa bikin', di mana kata (manifesto) itu dikotai, maka, saya dengan gembiranya mengumumkan semua ADUN (Pakatan Rakyat) mengisytihar harta masing-masing secara umum," ujar beliau pada sidang media di sini baru-baru ini.

Guan Eng yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih turut merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang menyokong polisi integriti itu.

Dokumen pengisytiharan harta kemudiannya turut diedar kepada wartawan yang hadir, selain, dimuat naik dalam portal rasmi Kerajaan Negeri.

"Pulau Pinang merupakan satu-satunya negeri di Malaysia yang (kepemimpinan Kerajaan Negerinya) mengisytiharkan harta," ujar beliau.

Justeru, beliau berharap, semua negeri lain khususnya yang dipimpin oleh Pakatan Rakyat supaya melaksanakan polisi integriti itu serupa dengan Pulau Pinang.



**KETUA Menteri (tiga dari kiri) bersama-sama seluruh Exco dan ADUN lain mengangkat Manifesto Pakatan Rakyat Pulau Pinang sempena PRU13 yang antara lain menyebut mengenai komitmen untuk mengisytihar harta masing-masing di sini baru-baru ini.**

## Abadikan pewakaf ikon umat P.Pinang - YDP MAINPP

**KEPALA BATAS –** Penama terdahulu yang mewakafkan tanah mereka di Pulau Pinang wajar diabadikan sebagai ikon umat Islam sekarang.

Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Datuk Mohd. Salleh Man berkata demikian pada majlis penyerahan sumbangan kepada penerima manfaat wakaf peringkat negeri di Kompleks Warga Emas Darul Hannan di sini baru-baru ini.



**MOHD. Salleh Man (kanan sekali) merahami penerima-penerima manfaat wakaf dalam satu majlis di sini baru-baru ini.**

"Pengorbanan generasi terdahulu ini perlu diingati.

"(Justeru,) saya mencadangkan nama mereka ini diabadikan sebagai ikon umat Islam kita (warga Pulau Pinang)," ujar beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang Pasir.

Pengarah Jabatan Agama Islam Pulau Pinang (JAIPP), Datuk Sazali Hussein, Datuk Jahara Hamid (Yang di-Pertua Darul Hannan), Rosidi Hussain (Pegawai Penerangan Kerajaan Negeri) turut hadir pada majlis itu.

Mohd. Salleh berkata, Pusat Peniagaan Wakaf Seetee Aisah, Jalan Tun Hussein Onn berdekatan lebuh raya di Seberang Jaya itu merupakan antara simbol kejayaan menggayakan manfaat wakaf di negeri berkenaan.

"Usaha menjayakan manfaat wakaf ini tidak mungkin dapat dilihat seperti sekarang sekiranya insan muka bernama Seetee Aisah Mahmood tidak berkorban mewakafkan sebidang tanah di sana (Seberang Jaya)," ujar Mohd. Salleh.

Difahamkan, MAINPP dengan usaha sama pemaju UDA Holdings Berhad pada November tahun lepas berjaya menyiapkan bangunan dua tingkat yang terdiri oleh 27 lot kedai, selain, 75 unit rumah jenis teres dua tingkat di atas tanah wakaf tersebut.

Projek hartanah umat Islam itu dianggarkan menelan belanja kasar kira-kira RM24 juta.

Hasil pemajuan projek tersebut, pemaju menyerah hak milik bangunan komersial itu kepada MAINPP dengan anggaran manfaat wakaf yang dikayakan bernilai kira-kira RM10.9 juta.

Sementara itu, Mohd. Salleh turut memuji beberapa peribadi pewakaf lain seperti Tengku Syed Hussain Al-Idid, iaitu bangsawan berketurunan Arab Yaman yang belayar dari Acheh ke Pulau Pinang, lalu, mewakafkan tanahnya sehingga terdirinya masjid tertua di negeri berkenaan dekat Lebuh Acheh, George Town.

Dalam perkembangan sama, Mohd. Salleh berkata, ibadah wakaf merupakan salah satu cara untuk memelihara hartanah serta manfaatnya supaya terus kekal berlegar dalam kalangan umat Islam sahaja.

## Bersatu merdeka perangi rakyat - KM

**GEORGE TOWN –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menyeru seluruh warga Pulau Pinang tanpa mengira kaum supaya bersatu padu dengan Kerajaan Negeri dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam memerangi penjenayah di negeri ini.

Beliau menyeru sedemikian semasa majlis pelancaran Kibarkan Jalur Gemilang Peringkat Negeri sebagai persiapan menyambut Hari Kemerdekaan Ke-56 selama sebulan bermula pada 16 Ogos hingga 16 September depan.



**LAW Choo Kiang (kanan sekali) turut mengedarkan Jalur Gemilang kepada penunggang motosikal di sini baru-baru ini.**

Hari Merdeka pada 31 Ogos 1957, manakala, hari penubuhan Malaysia atau Hari Malaysia pula 16 September 1963.

"Cabaran paling besar kini adalah memastikan Malaysia terus berada di puncak keamanan.

"Inilah cabaran baru bagi kita semua kerana di Malaysia hanya ada satu bangsa, iaitu Melayu, Cina, India, Iban mahupun Kadazan yang semuanya adalah 'bangsa mangsa jenayah' dan ada satu lawan, iaitu 'bangsa penjenayah' tidak kira Melayu, Cina mahupun India," ujar beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih di perkarangan lobi Komtar, George Town baru-baru ini.

Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang, Law Choo Kiang turut berucap pada majlis keraian itu.

Hadir bersama, Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon, Prof. P. Ramasamy (Timbalan Ketua Menteri II), Datuk Farizan Darus (Setiausaha Kerajaan Negeri), Datuk Mokhtar Mohd. Jait (Pegawai Kewangan Negeri) dan kepemimpinan Kerajaan Negeri dari pelbagai peringkat.

Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan berkata, erti kemerdekaan hakiki selepas pengusiran penjajah antaranya adalah perjuangan menghadapi cabaran kemiskinan, penyelewengan hak rakyat, penyalahgunaan kuasa dan korupsi.

Atas maksud itu, beliau sekali lagi mengulangi komitmen Kerajaan Negeri untuk bekerjasama dengan PDRM demi mendepani jenayah tembak-menembak yang didakwa mampu meragui keyakinan orang awam terhadap keselamatan masing-masing di negeri ini.

Menurut beliau, Kerajaan Negeri bercadang menambah 125 lagi kamera televisyen litar tertutup (CCTV) bernilai RM3 juta.

# Surau untuk umat Islam sahaja - Exco Agama

Oleh : **ANNAS ZAINUL ABIDIN**

**GEORGE TOWN -** Semua hotel atau resort di Pulau Pinang dinasihat supaya menggunakan kemudahan surau untuk tujuan ibadah umat Islam sahaja.

Exco Hal Ehwal Agama Islam, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim berkata demikian sebagai reaksi kepada insiden sebuah surau di Selidi Besar, Johor baru-baru ini dijadikan sebagai tempat upacara ritual agama lain.

"Pihak yang mengingkari arahan itu boleh dikenakan tindakan mengikut undang-undang pihak berkuasa tempatan dan syariah," ujar beliau di sini baru-baru ini.

Menurut beliau, mereka boleh didakwa di bawah Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Pulau Pinang, 1966.

Malah, katanya lagi, pihak berkenaan turut boleh disiasat di bawah Seksyen 19(1) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1997 atau Seksyen 70(13)(b) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974.

"(Hal ini termasuk) mencemarkan mana-mana masjid atau surau dengan niat menghina atau mempersendakan agama Islam," ujarnya.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung berkata, hampir 1,000 surau didaftar di bawah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang (JHEAIPP) sekarang.

Justeru, beliau meminta mana-mana tempat lain yang dicadangkan untuk dijadikan surau supaya segera didaftar di bawah JHEAIPP untuk mengelak insiden serupa di Johor dari berulang di negeri ini.

Timbalan Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Salahuddin Hj. Ghazali, dan Khairul Azman Azizan (Ketua Unit Operasi Bahagian Penguatkuasaan,JHEAIPP) turut hadir pada sidang media itu.



**ABDUL Malik Abul Kassim (kiri) bersama-sama Salahuddin Hj. Ghazali dalam sidang media di sini baru-baru ini.**



ENAKMEN 3 TAHUN 1996
ENAKMEN KESALAHAN JENAYAH SYARIAH (NEGERI PULAU PINANG) 1996

BAHAGIAN V - KESALAHAN PELBAGAI

**Seksyen 32. Memusnahkan atau mencemarkan masjid, surau, dsb.**

Mana-mana orang yang memusnahkan, merosakkan atau mencemarkan mana-mana masjid atau surau atau tempat beribadat lain atau apa-apa kelengkapannya dengan niat menghina atau mempersendakan agama Islam adalah melakukan kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya

Copyright © PNMB-Lawnet. All rights reserved

**KERATAN Enakmen 3 Tahun 1996 Enakmen Kesalahan Jenayah Sariah (Negeri Pulau Pinang) 1996. Bahagian V – Kesalahan Pelbagai.**




# Taman tema atas laut buka Sept. – KM




(Dari kiri), KETUA MENTERI, Richard Koh, Prof. P. Ramasamy, Ng Wei Aik, Yap Soo Huey dan Teh Yee Cheu bergambar kenang-kenangan selepas sidang media di sini baru-baru ini.

Oleh :**ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN** - Taman tema kanak-kanak *Wet World Wild Adventure Park Penang* di kawasan Batu Ferringhi akan dibuka kepada warga tempatan dan pelancong asing bermula pada September depan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, konsep taman mencabar di atas permukaan laut secara terbuka itu merupakan pertama di rantau Asia.

"Struktur (WWW) merupakan kejuruteraan dari Jerman dan memenuhi piawaian keselamatan yang digariskan oleh TUV (*Technical Inspection Association, Germany*)," ujar beliau di Komtar di sini baru-baru ini.

Pengerusi merangkap Ketua Pegawai Eksekutif Theme Park & Services Sdn. Bhd. (TPCS), Richard Koh turut bercakap pada sidang media sama.

Hadir bersama, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. P. Ramasamy, Ng Wei Aik (Ahli Parlimen Tanjong), Yap Soo Huey (Ahli Dewan Undangan Negeri/ADUN Pulau Tikus) dan Teh Yee Cheu (ADUN Tanjong Bungah) turut hadir pada sidang media itu.

Guan Eng berkata, pihaknya percaya taman tema di bawah kendalian bersama TPCS dan *Penang Global Tourism* (PGT) tersebut akan menjadi satu lagi produk pelancongan menarik di negeri berkenaan.

Richard berkata, konsep taman tema bertaraf dunia seumpama di Batu Ferringhi itu hanya terdapat di beberapa negara maju sahaja.

"Kami (TPCS) berharap (taman tema ini) terus berkembang sebagaimana dihasratkan untuk riang ria serta aktiviti selamat atas permukaan laut," ujar beliau.

Difahamkan, taman tema yang berdepan dengan Kompleks Bayu Senja serta berdekatan Hotel Park Royal tersebut akan dibuka sepanjang musim bukan tengkujuh bermula jam 8.00 pagi hingga 6.00 petang.

*Rock climbing*, trak larian, *trampoline, swings, slides,* kolam dan dinding-dinding merupakan antara acara rintangan mencabar yang menarik di dalam taman tema tersebut.

Tiket masuk selama dua jam ke taman tema itu bernilai RM30 sahaja.

Info lanjut, sila hubungi wakil TPCS, Melvin Kuo menerusi 03-556 68000 sambungan 8295 atau 019-317 1919 (telefon bimbit) atau *getwet@wetworldwild.com* (emel).

# Exco harap seminar mangkin pembangunan hijau



JAGDEEP Singh Deo (kiri sekali) menyampaikan ucaptamanya pada pembukaan seminar GBI di sini baru-baru ini.

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**PULAU TIKUS –** Seminar Indeks Bangunan Hijau (GBI) yang dianjur oleh Persatuan Hartanah dan Pemaju Malaysia Pulau Pinang (REHDA) diharap dapat memangkin pada pembangunan hijau di negeri berkenaan.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata, Kerajaan Negeri sejak Mac 2008 lagi menekankan pembangunan mesra alam sekitar demi kepentingan rakyat sendiri.

"Kita juga telah memperkenal konsep Pulau Pinang Bersih, Hijau, Selamat dan Sihat sebelum ini dalam menjaga negeri Pulau Pinang.

"(Itu termasuk) kita memulakan kempen pengharaman polisterina dan hari tanpa beg plastik," ujar Jagdeep yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat semasa merasmikan seminar itu di sini baru-baru ini.

Bercakap di depan lebih 50 hadirin, beliau berkata, Kerajaan Negeri turut menubuhkan *Penang Green Council* (PGC) pada tahun 2011 hatta mereputasi lagi imej Pulau Pinang di rantau ini.

Beliau yakin, komitmen Kerajaan Negeri akan melonjak lagi imej Pulau Pinang sebagai negeri hijau di peringkat antarabangsa.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau berkata, sebanyak 10 bangunan di negeri berkenaan dalam proses memohon status bangunan hijau.

Dari jumlah itu, katanya lagi, GBI yang dianggotai oleh 10 panel mempunyai kepakaran tersendiri masing-masing akan memutuskan status kelayakan pemohon-pemohon berwajib.

# Doktor rasis: Exco beri ADUN pembangkang kata dua

**GEORGE TOWN -** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pinang Tunggal, Datuk Roslan Saidin yang mengaku wujud tiga doktor rasis di hospital kerajaan dekat Pulau Pinang supaya mengemukakan bukti berwajib atau segera mohon maaf atas tuduhan tanpa asas tersebut.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berkata, Datuk Seri Hilmi Yahaya (Timbalan Menteri Kesihatan) sendiri dalam satu kenyataan di sesawang Malaysiakini.com pada 20 Julai lepas mengaku bahawa dakwaan itu 'mungkin berlaku salah faham'.

"Saya menggesa Y.B. Roslan Saidin agar meminta maaf secara terbuka kepada para doktor di seluruh Malaysia berikutan dakwaan yang telah beliau bangkitkan di dalam DUN (Dewan Undangan Negeri) Pulau Pinang berkenaan tiga doktor rasis yang enggan merawat pesakit," ujar Dr. Afif menerusi emel baru-baru ini.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya berkata, kegagalan Roslan mengemukakan bukti hanya akan menyerlahkan sikap tidak bertanggungjawab pemimpin pembangkang Pulau Pinang itu sahaja.

Malah, katanya lagi, Roslan menzahirkan tuduhan sedemikian mungkin disebabkan beliau kecewa dengan sokongan rakyat terhadap pembangkang Pulau Pinang yang nyata kian merosot pada Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU13), 5 Mei lepas.

Terdahulu, Roslan semasa mesyuarat penuh di DUN Pulau Pinang dilaporkan menuduh 'Tsunami Cina' dalam pilihan raya umum baru-baru ini kononnya punca tiga doktor berbangsa Cina berkenaan enggan merawat pesakit berbangsa Melayu di hospital kerajaan tertentu.

Tuduhan itu mengakibatkan Roslan didesak untuk mengemukakan nama sebenar doktor berwajib, namun, beliau mengelak dengan pelbagai dalih.

Ekoran itu, Dr. Afif dilaporkan cuba mendapatkan respons lanjut daripada Kementerian Kesihatan.

Hilmi dalam satu kenyataan kemudian antara lain menyebut, 'Saya rasa tak timbul masalah doktor rasis ini. Mungkin berlaku salah faham'.

# KN hantar enam usahawan ke Kuching – TKM1




**MOHD. Rashid Hasnon (lapan dari kiri) bergambar kenang-kenangan dengan usahawan-usahawan terpilih ke Festival Makanan dan Kebudayaan Malaysia dalam satu sidang media di sini baru-baru ini.**

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN -** Enam usahawan dipilih mewakili Pulau Pinang ke Festival Makanan dan Kebudayaan Malaysia di Kuching selama dua hari bermula pada 8 September depan.

Timbalan Ketua Menteri I, Mohd. Rashid Hasnon berkata, pihaknya berharap penyertaan itu dapat mempromosi lagi negeri berkenaan sebagai destinasi pelancongan makanan dan kebudayaan pilihan di rantau ini.

"Ini merupakan salah satu lagi usaha murni Kerajaan Negeri bagi membantu pengusaha tempatan mempromosikan produk Pulau Pinang ke pasaran luar.

"Moga produk Pulau Pinang akan menjadi bualan dan ingatan semua pengunjung di sana," ujar beliau di sini baru-baru ini.

Beliau yang juga Exco Pembangunan Industri Perdagangan Antarabangsa, Koperasi & Perhubungan Masyarakat dan Pembangunan Usahawan berkata, segala kos penerbangan, penginapan dan pengangkutan kumpulan usahawan berkenaan akan ditanggung oleh Kerajaan Negeri.

Malah, katanya lagi, penyertaan kumpulan usahawan berkenaan diharap dapat mengembangkan jaringan perdagangan strategik dengan semua pihak yang menyertai festival tersebut.

Difahamkan, produk makanan Pulau Pinang yang diketengahkan dalam festival tersebut antaranya produk buah pala, sos cili hijau dan sos cili merah, jeruk buah-buahan, coklat, muruku tradisi India serta rempah kari.

Berikut adalah usahawan-usahawan yang mewakili Pulau Pinang ke festival tersebut:

- Jeruk Pak Latif Enterprise, Cherok Tok Kun Bukit Mertajam
- Aida Chocs Enterprise, Simpang Empat, SPS
- Kilang Buah Pala Ghee Hup, Balik Pulau
- Annysha Maju Enterprise, Sungai Nibong
- Malexport Enterprise, Jalan Gottlieb Georgetown
- Ah Golden Enterprise, Bayan Lepas

## George Town, Kawasaki tandatangan MoU 'teknologi hijau'

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**




**AKIRA Agihara (dua dari kiri) saling bersalaman serta menukar dokumen MoU dengan Chow Kon Yeow sambil diperhati oleh dif kehormat lain dalam satu persidangan Kawasaki-George Town di sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN –** Perjanjian persefahaman (MoU) antara George Town dan bandar Kawasaki dekat Jepun diharap dapat membantu Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) mengembangkan pengalaman serta teknologi pengurusan sisa kepada tenaga di negeri ini.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yoew berkata demikian selepas selesai satu bengkel bersama-sama wakil negara matahari naik itu.

"Melalui perjanjian ini, kita (Kerajaan Negeri) lebih mudah untuk memindahkan pengalaman serta inovasi teknologi (dari bandar) Kawasaki ke kedua-dua PBT (pihak berkuasa tempatan) di negeri ini," ujar beliau pada satu sidang media di sini baru-baru ini.

Delegasi Jepun diketuai Dr. Akira Agihara, iaitu Pengurus merangkap Ketua Penyelidik di Institusi Penyelidikan Alam Sekitar Kawasaki yang berpengkalan di bandar Kawasaki, Jepun.

Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh, Maimunah Mohd. Sharif (Yang di-Pertua MPSP), Sr. Rozali Mohamud (Setiausaha MPSP) antara kepemimpinan negeri yang hadir dalam bengkel tersebut.

Kon Yeow yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar berkata, Pulau Pinang tidak mempunyai kesulitan untuk saling berkongsi pengalaman dengan bandar tersebut memandangkan Kerajaan Negeri serta kedua-dua PBT komited dengan agenda 'Rumah Hijau' yang dilaksanakan di bandar Kawasaki.

Malah, katanya lagi, Kerajaan Negeri turut berminat untuk berkongsi pengalaman mengenai program-program kitar semula serta pemuliharaan semula alam semula yang telahpun dilancarkan sejak Mac 2008 sebagaimana dimaktubkan dalam MoU tersebut.

Nada yang sama turut diluahkan oleh Dr. Akira dalam sidang media yang sama.

Perkembangan terbaru itu sekaligus menyerlahkan komitmen pentadbiran Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dalam merealisasikan kempen 'Pulau Pinang Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat.

## 10,301 pecah rekod pengunjung Bukit Bendera

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**



**BUMBUNG mudah alih baru stesen bawah Bukit Bendera (warna putih) yang boleh dibuka dan tutup berfungsi melindungi para pelancong dari sebarang ketidakselesaan cuaca.**

**AIR ITAM –** Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP) mengumumkan bahawa kawasan pelancongan itu menerima kehadiran penduduk paling tinggi pada Hari Raya Kedua Aidilfitri baru-baru ini, iaitu seramai 10,301 pengunjung.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, jumlah kehadiran itu sekaligus memecah rekod kunjungan pelancong sejak kawasan pelancongan itu dibuka pada tahun 1923.

Justeru, beliau menasihatkan PBBPP supaya terus menjadi imej Bukit Bendera memandangkan kawasan pelancongan itu kian menerima kunjungan dari dalam dan luar negara.

"Rekod pada tahun 2012 menunjukkan ianya telah dikunjungi seramai 1.2 juta pelawat. Ini sekaligus meningkatkan kehadiran lebih 75 peratus dari tahun sebelumnya.

"Saya mengucapkan tahniah kepada pihak pengurusan atas usaha mereka selama ini yang mempromosikan Bukit Bendera hingga memecahkan rekod sebelum ini iaitu 9700 pelawat," ujar beliau di sini baru-baru ini.

Pengurus Besar PBBPP, Dr. Layrence Khoo turut serta dalam sidang media tersebut.

Guan Eng berkata, kerja-kerja pamajuan kawasan pelancongan Bukit Bendera sebelum ini mengambil masa hampir 10 bulan, iaitu bermula pada 30 Oktober tahun lepas dan siap pada 5 Ogos lepas.

Itu, termasuk pemajuan bumbung mudah alih di kawasan utama pelancongan atas Bukit Bendera yang bernilai RM3.7 juta.

Justeru, beliau berharap PBBPP Bakan terus berusaha keras dalam memajukan Bukit Bendera sebagai destinasi pelancongan dan percutian tanah tinggi utama di negara ini.

# KM minta PDC positif hadapi saingan swasta




KETUA Menteri berucap di depan kepemimpinan Kerajaan Negeri, dif-dif kehormat serta Ketua-Ketua Jabatan sempena majlis Rumah Terbuka PDC di sini baru-baru ini.




ABDUL Rahman Abbas (hadapan, tiga dari kanan) memotong kek sempena Majlis Jamuan Hari Raya Aidilfitri sambil ditemani oleh isteri (hadapan tiga dari kiri) dan Farizan Darus (kiri sekali) serta barisan chef Hotel Eastin di sini baru-baru ini.

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**BAYAN BARU -** Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) wajar menempuhi persaingan pada tahap tinggi dengan syarikat-syarikat swasta lain demi memajukan pembangunan Kerajaan Negeri.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, penarafan empat bintang yang diterima sebelum ini melayakkan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) negeri itu segera menerima perubahan persekitaran pembangunan di negeri berkenaan.

"Dalam melakukan perubahan ke arah positif semua pihak harus menerima dengan baik sekali walaupun agak sukar untuk diadaptasi pada peringkat awal.

"Kita harus melihat pihak swasta sebagai saingan utama untuk kita memajukan PDC yang sememangnya pihak swasta adalah peneraju sektor pembangunan negara dan ini harus diakui," ujar beliau pada majlis Hari Terbuka Aidilfitri PDC di sini baru-baru ini.

Timbalan Ketua Menteri II, Prof P. Ramasamy, Chow Kon Yow (Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir), Datuk Abdul Malik Abul Kassim (Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna) dan Danny Law Heng Kiang (Exco Pembangunan Pelancongan dan Kebudayaan) turut hadir pada keraian tersebut.

Beliau yang juga Pengerusi PDC berkata, pentadbiran berasaskan bajet yang diguna pakai serta berjaya selama ini juga perlu ditukar demi menambah baik serta menambah nilai kepada PDC.

"Pentadbiran berdasarkan hasil, haruslah diterapkan dengan mengkaji hasil yang kita terima dari usaha yang kita telah kita lakukan.

"Jika gagal, kita harus mengenal pasti aspek-aspek yang menjurus kepada kegagalan itu dan memperbaikinya.

"Jika berjaya, bermakna usaha kita memang menjadi dan harus diterapkan untuk kita bersaing dan berjaya," jelas beliau pada majlis anjuran Persatuan Kakitangan Islam PDC itu.

Nasi tomato, rendang, ketupat, lemang, kuih raya, rojak antara hidangan menarik pada keraian Rumah Terbuka PDC tersebut.

Sementara itu, Persatuan Kakitangan Islam PDC pada 20 Julai lepas turut mengadakan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) dengan membeli barangan keperluan untuk diserah kepada keluarga terpilih di Kampung Pasir Gebu dekat Penaga.

Manakala, pada 1 Ogos lalu, persatuan sama dilaporkan membawa para pelatih Pusat Pemulihan Dalam Komuniti dekat Juru ke sebuah pasar raya untuk membeli pakaian Aidilfitri yang merupakan sebahagian program Aidilfitri.

## Ribuan kunjungi rumah terbuka Aidilfitri TYT

Oleh:**WATAWA NATAF ZULKIFLI & AINUL WARDAH SOHILLI**

**PANTAI JEREJAK -** Seramai kira-kira 5,000 pengunjung menghadiri Majlis Jamuan Hari Raya Aidilfitri Yang Di-Pertua Negeri, T.Y.T. Tun Abdul Rahman Abbas dan isteri Toh Puan Datuk Seri Utama Majimor Shariff di Arena Sukan Antarabangsa Pulau Pinang (PISA) dekat sini baru-baru ini.

Hadir sama, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Farizan Darus dan isteri, Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Law Choo Kiang dan isteri, Ketua Menteri, Lim Guan Eng dan isteri, Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon dan isteri serta Timbalan Ketua Menteri II, Prof. P. Ramasamy dan isteri.

Turut serta barisan Exco Kerajaan Negeri dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) serta Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK).

Pada majlis rumah terbuka itu, Tun serta isteri turut menyampaikan pemberian duit raya kepada kanak-kanak yang hadir.

Selain menikmati hidangan yang disediakan, pengunjung juga tidak melepaskan peluang untuk bersalaman dengan Tun serta isteri.

Majlis turut diserikan dengan persembahan okestra dan boria.



# KN biaya 80 peratus kos tangki bocor - Exco



JAGDEEP Singh Deo (kiri sekali), Soon Lip Chee (depan, tengah) dan Ahli Majlis MPSP, H'ng Mooi Lye (depan, kanan) bersama penduduk setempat menunjukkan lokasi tangki air bocor di sini baru-baru ini.

Oleh: **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**NIBONG TEBAL** - Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata, RM9,000 diperlukan untuk membaiki tangki air Kondo Rakyat Taman Bistari di sini yang dikesan bocor.

Justeru, katanya, Kerajaan Negeri bersedia menanggung 80 peratus kos yang bernilai RM7,200, manakala, 20 peratus lagi yang berjumlah RM1,800 akan ditanggung oleh pemaju.

"Baki (RM1,800) itu boleh didapati samada melalui persatuan penduduk, sumbangan dari syarikat dan persendirian atau peruntukan ADUN (Ahli Dewan Undangan Negeri)," jelas beliau di sini baru-baru ini.

ADUN Jawi, Soon Lip Chee turut menyertai lawatan kerja Jagdeep itu.

Jagdeep yang juga ADUN Datuk Keramat berkata, peruntukan Kerajaan Negeri itu akan diambil daripada tabung Program bantuan Perumahan Pulau Pinang atau *HAPPY!*.

Dalam perkembangan lain, beliau turut mengulas mengenai masalah kolaborasi antara *HAPPY!* dan Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M) yang didakwa masih belum mendapat kelulusan langsung daripada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Ekoran itu, katanya, Kerajaan Negeri akan menyalurkan peruntukan tambahan sebanyak RM5 juta lagi daripada dana *HAPPY!* ke dalam peruntukan pembangunan Kerajaan Negeri.

"Dengan tambahan dana 10 peratus daripada RM50 juta peruntukan *HAPPY!*, kerajaan negeri akan menanggung 90 peratus kos bagi projek perumahan kerajaan, menjadikan kos yang perlu ditanggung oleh penduduk hanyalah sebanyak RM900 sahaja.

"Keputusan ini diambil kerana kerajaan negeri cakna dengan masalah rakyat dan tidak boleh lagi menunggu status kelulusan yang memakan masa yang lama dari pihak kementerian berkenaan.

"Kerajaan negeri mengambil pendekatan ini bagi meningkatkan kualiti kehidupan penduduk dan berharap ADUN kawasan dapat memberi kerjasama dengan mengenalpasti projek bermasalah untuk diselenggara," kata beliau.

# MPPP pasang lampu isyarat elak kemalangan




BEBERAPA anggota Pasukan Peronda Sukarela (PPS) melakukan tugasan mengawal aliran trafik sementara menunggu operasi memasang lampu isyarat berkenaan di sini baru-baru ini selesai.

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**AIR ITAM** - Pemasangan lampu isyarat di persimpangan Jalan Padang Tembak - Jalan Goh Guan Hoe diharap bukan sahaja melancarkan aliran trafik, bahkan, mengurangkan indeks kemalangan jalan raya di sini.

Timbalan Pengarah Kejuruteraan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), A. Rajendran berkata demikian kerana persimpangan tersebut direkodkan sebagai kawasan kerap kemalangan saban bulan.

"(Kemalangan) kerana terdapat selekoh tajam di antara penyambungan jalan ini (dengan) jarak penglihatan turut terhadap kepada pemandu," ujar beliau dalam satu sidang media di sini baru-baru ini.

Menurut beliau, kerja-kerja menaik taraf seperti memasang lampu isyarat dan papan tanda, pelebaran jalan serta mengecat jalan itu dimulakan sejak April lepas.

Tambah beliau, kerja-kerja menaik taraf tersebut menelan belanja kira-kira RM120,000.

Inisiatif terbaru itu sekaligus menyerlahkan komitmen pihak berkuasa tempatan (PBT) dalam memelihara keselamatan rakyat terbanyak yang menggunakan jalan berkenaan.

# PTPTN, Kerajaan lebih teruk daripada 'Along' - Kumaresan

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**



KUMARESAN Arumugam.

**BAYAN BARU** - Isu pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) kembali hangat apabila langkah Kerajaan Persekutuan melaksanakan Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (CCRIS). CCRIS dikenakan ke atas peminjam PTPTN yang ingkar untuk membayar balik pinjaman adalah lebih teruk daripada 'Along'.

Begitulah luahan Setiausaha Persatuan Progresif India Malaysia Negeri Pulau Pinang (MIPAS), Kumaresan Aramugam di sini baru-baru ini.

"Melalui CCRIS, Kerajaan akan berkerjasama dengan Bank Negara untuk mempengaruhi kelulusan permohonan peminjam PTPTN daripada institusi kewangan.

"Mereka yang ingkar untuk membayar balik pinjaman PTPTN akan menerima kesan seperti peminjam institusi kewangan yang lain terutamnya apabila membabitkan kelulusan permohonan pinjaman, kad kredit, dan sebagainya.

"Maknanya bank akan menilai setiap rekod pembayaran sebelum memberi mereka pinjaman," ujar Kumaresan baru-baru ini.

Menurut Kumaresan, hal ini akan merunsingkan lagi peminjam PTPTN ketika mereka membuat permohonan pinjaman di institusi kewangan atau bank.

Tambahnya lagi, Kerajaan sepatutnya menggunakan kaedah yang lebih mesra untuk mengutip semula pinjaman PTPTN dan bukannya dengan cara kasar dan membebankan seperti ini.

"Buat masa ini, ramai dalam kalangan graduan yang baru habis belajar memperolehi pendapatan bulanan kurang daripada RM2,000 dan mereka juga mempunyai perbelanjaan lain seperti tanggungan keluarga, pembayaran ansuran kereta, sewa rumah dan sebagainya," katanya.

Beliau juga menegaskan dengan kadar inflasi Negara yang tidak menentu harga barangan harian juga semakin mahal dan sekiranya Kerajaan menekan peminjam PTPTN untuk membayar balik pinjaman tanpa sebarang mekanisma yang mesra rakyat maka ianya juga sama seperti 'Along' yang mengutip semula hutang mereka.

# *Angpau* raya bukti asimilasi budaya sihat – TKM1



MOHD. Rashid Hasnon (lima dari kiri) dan isteri, Nor Azizah Haron bersama-sama dif kehormat lain pada Rumah Terbuka Aidilfitri Timbalan Ketua Menteri I di sini baru-baru ini.

Oleh: **ANNAS ZAINUL ABIDIN & ZAINULFAQAR YAACOB**

**BAYAN BARU -** Timbalan Ketua Menteri I, Mohd. Rashid Hasnon berkata, kepelbagaian kaum di Pulau Pinang kian harmoni sekiranya semua pihak bersedia untuk menerima proses asimiliasi budaya secara sihat.

Beliau berkata demikian semasa mengulas ibadah bersedekah sempena Hari Raya Aidilfitri yang dikatakan mempunyai persamaan dengan tradisi memberi duit raya dalam sampul atau *angpau* kepada kanak-kanak dalam Tahun Baru Cina.

"Sedekah pada Rumah Terbuka Aidilfitri adalah ibadah terpuji. Pemberian *angpau* pada Rumah Terbuka Tahun Baru Cina adalah tradisi yang mulia.

"Sungguhpun ada perbezaan di antara dua perayaan itu, asimilasi budaya yang berlaku kerana kita bersedia menerima perbezaan itu secara sihat dan harmoni," ujar Mohd. Rashid pada Rumah Terbuka Aidilfitri bersama-sama isteri, Nor Azizah Haron di Tapak Pesta Sungai Nibong di sini baru-baru ini.

Yang Di-Pertua Negeri, Tuan Yang Terutama Tun Abdul Rahman Abbas dan isteri, Toh Puan Majimor Shariff menjadi tetamu kehormat pada keraian tersebut.

Hadir bersama, Ketua Pembangkang Parlimen Malaysia, Datuk Seri Anwar Ibrahim, Datuk Mansor Othman (Ahli Parlimen Nibong Tebal) dan beberapa Exco kerajaan Negeri.

Selain itu, beliau turut mencadangkan amalan mengundang bukan Islam dan pelancong asing bersama-sama umat Islam ke rumah terbuka Aidilfitri di Pulau Pinang mampu menjadi produk pelancongan di negeri berkenaan.

"Pulau Pinang kini menjadi destinasi pelancongan pilihan di rantau ini kerana infrastruktur (perbandaran) kita bertaraf antarabangsa dengan bangunan-bangunan warisan dunia yang cantik-cantik.

"Rumah terbuka (Aidilfitri) kita pun tidak mustahil boleh menjadi produk pelancongan sekiranya kita bersedia untuk mengundang pelancong asing untuk melihat kemajmukan budaya harmoni kita ini," ujar beliau.

Walaupun cadangan itu bukanlah sesuatu yang baru, Mohd. Rashid berkata, komitmen pihak berwajib mampu merealisasikan hasrat tersebut demi kepentingan Kerajaan Negeri.

"Yang penting, rumah terbuka kita mempunyai identiti tersendiri yang tidak ada di tempat-tempat lain sungguhpun tidak diadakan secara besar-besaran, cukup ikut kemampuan kita masing-masing," ujar beliau.

Dalam perkembangan lain, beliau turut merakamkan penghargaan kepada semua pihak, khususnya kakitangan Kerajaan Negeri kerana banyak membantu beliau melengkapkan kepemimpinan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dalam tempoh hampir 100 hari pasca Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU13) sejak 5 Mei lepas.

"Kita semua satu pasukan. Makin kuat pasukan kita, makin kuat Pulau Pinang," tegas beliau sebelum menyempurna majlis memberi *angpau* Aidilfitri kepada kanak-kanak.

Laksa Pulau Pinang, nasi briyani ayam, nasi impit antara juadah raya menarik rumah terbuka selama tiga jam bermula detik 11.00 pagi.

## Isu Ritual: P.Pinang, Johor tidak sama - Exco Agama



RUMAH Terbuka Aidilfitri Abdul Malik Abul Kassim baru-baru ini menerima kunjungan luar biasa sampai melimpah keluar dari khemah makan utama di sini baru-baru ini.

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**BATU MAUNG -** Exco Hal Ehwal Agama Islam, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim berkata, binaan sementara di atas sebidang tanah wakaf dekat Kepala Batas baru-baru ini diturunkan serta-merta sejurus selesai perayaan 'Hantu Lapar' yang membabitkan komuniti Cina.

Justeru, katanya, insiden di Pulau Pinang tidak wajar disamakan dengan insiden di Johor yang menyaksikan sebuah surau resort dijadikan tempat upacara ritual keagamaan bukan Islam.

"Hasil siasatan kita (Kerajaan Negeri) di Kepala Batas mendapati ada binaan sementara saja didirikan dan telah diturunkan selepas perayaan tradisi Cina itu selesai.

"Di sini (Pulau Pinang), upacara ritual bukan diadakan dalam surau seperti di Johor, tetapi, pihak tertentu seolah-olah cuba menggambarkan isu di Pulau Pinang sama seperti Johor untuk tutup kelemahan diri," ujar beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung.

Beliau berkata demikian pada satu sidang media sempena keraian Rumah Terbuka Aidilfitri Peringkat Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Batu Maung di sini.

Timbalan Ketua Menteri I, Mohd. Rashid Hasnon dan Sim Tze Tzin (Ahli Parlimen Bayan Baru) turut hadir pada keraian tersebut.

Difahamkan, majlis selama dua jam bermula detik 4.00 petang itu menerima kehadiran hampir 5,000 orang terdiri oleh pelbagai bangsa.

Laksa Penang, nasi kandar Pelita, sate dan char koey teaw Pulau Pinang antara juadah menarik sepanjang berlangsungnya majlis rumah terbuka itu.

## Rumah terbuka raikan pelanggan MPSP



ORANG ramai menikmati kuih-muih pada majlis rumah terbuka Aidilfitri di MPSP baru-baru ini.

Oleh: **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**RAI...** Kira-kira 500 orang tetamu hadir memeriahkan Majlis Rumah Terbuka Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) di Bangunan MPSP, Bandar Perda baru-baru ini.

Majlis keraian itu sebagai menghargai warga kerja MPSP serta memberi peluang kepada pelanggan MPSP dari pelbagai kaum berkongsi kemeriahan Aidilfitri.

Tetamu dijamu dengan pelbagai juadah seperti ketupat, nasi impit, rendang, sate dan kuih-muih.

Turut hadir, Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng, Maimunah Mohd. Sharif (Yang di-Pertua MPSP), Steven Sim Chee Keong (Ahli Parlimen Bukit Mertajam), Soon Lip Chee (ADUN Jawi) serta Sr. Rozali Mohamud (Setiausaha Majlis MPSP) .

Pada majlis itu, para tetamu turut dihiburkan dengan lagu-lagu raya oleh kumpulan pemuzik tempatan.

# KM rakam penghargaan delegasi India

Oleh: **SITI FAIRUZ YAHAYA**

**GEORGE TOWN** - Kerajaan Negeri menyambut delegasi 18 Pegawai Perkhidmatan Luar Negara India mengadakan kunjungan sambil belajar selama dua minggu ke negeri ini.

Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng merakamkan penghargaan kepada delegasi itu kerana memilih Pulau Pinang.

"Pulau Pinang merupakan tempat destinasi pelancongan, dan juga merupakan tempat yang telah diiktirafkan sebagai tapak warisan dunia oleh UNESCO.

"Bukan itu saja, di sini juga mempunyai daya tarikan seperti makanan dan tempat-tempat bersejarah untuk dilawati," ujar beliau di sini baru-baru ini.

Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy turut serta dalam majlis tersebut.

Sebelum itu, salah seorang wakil delegasi melahirkan rasa gembira dengan layanan mesra, peramah dan mudah berinteraksi yang ditonjolkan oleh warga Pulau Pinang.

Majlis interaksi delagasi itu dengan kepemimpinan negeri berlangsung hampir sejam.



**BARISAN Pegawai Perkhidmatan Luar Negeri India bergambar kenang-kenangan bersama kepimpinan tertinggi Kerajaan Negeri di sini baru-baru ini.**

Difahamkan, delegasi itu turut dibawa melawat beberapa destinasi pelancongan menarik di negeri berkenaan.




**DATUK Jimmy Choo (empat dari kiri) dan anaknya, Danny Choo (lima dari kiri) bergambar kenang-kenangan bersama-sama peserta Konvensyen Kebudayaan Jepun 2013 di sini baru-baru ini.**

# Exco harap Konvensyen Budaya Jepun tarik pelancong

**GEORGE TOWN** - Konvensyen Budaya Jepun 2013 yang diadakan selama dua hari bermula pada 17 Ogos lepas di Pusat Konvensyen Straits Quay diharap dapat menarik pelancong tempatan dan asing ke negeri ini.

Exco Pembangunan Pelancongan dan Kebudayaan, Law Heng Kiang berkata demikian pada satu kenyataan di sini baru-baru ini.

"Konvensyen ini bakal dipenuhi dengan peminat tempatan dan luar negara," ujar Danny yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Lanchang.

Datuk Jimmy Choo antara dif kehormat yang hadir pada keraian tersebut.

Difahamkan, kehadirannya itu bagi memberi sokongan pada anaknya, Danny Choo.

Danny Choo merupakan peribadi yang bertanggungjawab membawa konvensyen buat julung kalinya itu ke Pulau Pinang.

"Pulau Pinang sekarang sudah banyak berubah ke arah kebaikan dan saya amat kagum dengan sesetengah seni di tepi-tepi jalan," ujar Jimmy Choo.

Perkembangan terbaru itu sekaligus mengembangkan lagi industri pelancongan Pulau Pinang.

## Sekitar Sambutan Ulangtahun Kemerdekaan ke-68 Republik Indonesia



**TIMBALAN Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon (bersongkok) beramah mesra bersama perwakilan Kedutaan Republik Indonesia di Pulau Pinang sambil ditemani oleh isteri beliau, Datin Nor Azizah Haron (dua dari kanan), Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin (kiri sekali) dan Exco Pembangunan Pelancongan & Kebudayaan, Law Heng Kiang (dua dari kiri).**



**JENERAL Konsul Jepun di Pulau Pinang, Ryuji Noda dan isteri turut hadir memeriahkan Sambutan Ulangtahun Kemerdekaan Republik Indonesia di sini baru-baru ini.**

# Polemik PTPTN dan kecurangan sistem pendidikan negara

Oleh: **ZAIRIL KHIR JOHARI**

Serambi PENANG INSTITUTE making ideas work

**POLEMIK** PTPTN harus dibaca bersama dengan kualiti pendidikan tinggi negara, kerana pemahaman isu ini secara berasingan hanya akan menyebabkan kita menyalahkan para graduan dan mengutuk mereka sebagai golongan yang tidak tahu bersyukur serta lari daripada tanggungjawab membayar hutang. Kita juga akan gagal mencermati bahawa para graduan sebenarnya merupakan mangsa kecurangan sistem pendidikan negara ini.

Sebagai mengiringi penggubalan Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta pada tahun 1996, skim pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) telah diperkenalkan pada tahun seterusnya. Ekoran daripada itu, alam pengajian tinggi di Malaysia telah menampakkan percambahan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) dengan begitu pesat. Setakat 30 November 2012, terdapat sejumlah 478 buah IPTS yang diperincikan kepada 37 universiti swasta, 20 kolej universiti swasta, tujuh kampus cawangan universiti luar negara dan 414 kolej swasta di negara ini.

Memang tidak dinafikan, ketersediaan pinjaman PTPTN sekaligus membuka pintu pengajian tinggi kepada ramai pelajar yang dahulunya tidak mampu dari segi kewangan. Namun pada masa yang sama, ia juga memberi ruang kepada kolej-kolej swasta untuk mengambil kesempatan ke atas kemudahan tersebut.

Akibat proses permohonan dan pemberian pinjaman PTPTN yang begitu mudah dan longgar (lulus SPM dengan 1 kredit atau kelayakan yang setaraf dengannya untuk kursus sijil dan lulus SPM dengan 3 kredit atau kelayakan yang setaraf dengannya untuk kursus diploma), jumlah kemasukan siswazah pun meningkat dengan mendadak.

Akan tetapi, gara-gara lambakan graduan ini, beberapa masalah telah muncul. Pertamanya, bilangan graduan yang dihasilkan adalah melebihi kehendak pasaran, suatu masalah yang pernah diakui oleh mantan Menteri Pengajian Tinggi Dato' Seri Khaled Nordin.

Menurut laporan Bank Dunia pada tahun 2007 yang bertajuk "*Malaysia and the Knowledge Economy: Building a World-Class Higher Education System*", wujud kesenjangan di antara pembekalan dan permintaan (supply and demand) dalam pasaran kerja untuk graduan, di mana lebihan keluaran graduan berbanding pekerjaan yang sedia ada telah mengakibatkan fenomena pengangguran di negara kita.

Mengikut Jabatan Perangkaan Malaysia, walaupun kadar pengangguran negara secara keseluruhannya adalah rendah (3.3 peratus setakat Mei 2013), kadar pengangguran dalam kalangan anak muda adalah tinggi, iaitu 10.3 peratus. Malah, kadar ini adalah lebih tinggi berbanding negara-negara jiran seperti Thailand (2.8 peratus) dan Singapura (6.7 peratus).

Pun begitu, angka ini tidak meliputi kadar *"youth underemployment"*, ataupun fenomena di mana anak muda terpaksa menerima jawatan dan tangga gaji yang lebih rendah berbanding kelayakannya. Di Malaysia, kadar ini adalah 15.1 peratus, sementara peratusan pemegang ijazah yang terpaksa bekerja dalam jawatan yang tidak memerlukan kelulusan ijazah adalah 21 peratus. Dengan kata lain, setiap satu daripada lima graduan di negara kita tidak berjaya mendapat kerja yang setimpal.

Pastinya, sebilangan besar daripada graduan yang terpaksa menderita dengan pengangguran merupakan produk IPTS. Ini kerana peningkatan kemasukan pelajar IPTS adalah lebih ketara berbanding IPTA. Sebagai contoh, jumlah kemasukan pelajar IPTA telah meningkat daripada 310,00 pada tahun 2005 kepada 372,000 menjelang tahun 2010. Bagi IPTS pula, jumlahnya telah meningkat daripada 337,000 kepada 466,000. Tambahan pula dengan keadaan ekonomi yang kurang memberangsangkan, di mana purata pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) hanya mencatat 4.64 peratus sejak tahun 2000 hingga 2013, masalah pasaran pekerjaan ini dijangka akan berterusan.

Selain pembekalan graduan yang terlebih banyak berbanding ketersediaan peluang pekerjaan, dasar pendidikan swasta negara kita juga mendorong kepada penjanaan graduan yang kurang berkualiti, khususnya daripada IPTS. Ini disebabkan bukan sahaja oleh kemasukan pelajar-pelajar yang kurang layak, tetapi juga oleh kelemahan tenaga pengajar IPTS.

Difahamkan, objektif konsep *Green Road Sharing'* antara lain untuk menyediakan laluan basikal yang lebih jelas dan selamat kepada penunggang basikal. Laluan berkaitan akan dilengkapi dengan papan tanda dan *demarcation* yang jelas.

Sebarang maklum balas boleh dihantar melalui *grsc@mppp.gov.my* atau melalui *Facebook – Green Road Sharing Concept http://www.facebook.com/pages/Green-Road-Sharing-Concept/499064823507080*.



**KETUA MENTERI (sembilan dari kiri) dan Lim Hock Seng lima dari kiri) turut menyempurna demontasi kayuhan basikal di sepanjang laluan *'shared lane'* di sini baru-baru ini.**

## Bukit D.O. simbol 'janji dikotai' - KM

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**BUKIT MERTAJAM -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng baru merasmikan Taman Rekreasi PBAPP Bukit D.O. yang siap dinaiktaraf di sini.

Guan Eng yang juga Pengerusi Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) berkata, penaiktarafan itu diharap memberi manfaat kepada lebih kurang 220,000 warga penduduk yang tinggal di sekitar Parlimen Bukit Bendera.

Beliau turut merakamkan penghargaan kerana PBAPP bukan sahaja membiayai projek tersebut, bahkan, kerja-kerja penaiktarafan taman rekreasi itu berjaya disiapkan mengikut jadual, iaitu dalam tempoh enam bulan.

"Ini bagi kita (Kerajaan Negeri dan PBAPP), makna sebenar janji dikotai...jadi, itulah sebabnya kita berkumpul di sini," ujar beliau pada majlis perasmian pembukaan di dewan terbuka taman rekreasi itu baru-baru ini.

Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong, Chong Eng (Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri Padang Lalang), Dr. Afif Bahardin (ADUN Seberang Jaya merangkap Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan), Ng Wei Aik (Ahli Parlimen Tanjong merangkap Setiausaha Politik bagi Ketua Menteri), Ir. Jaseni Maidinsa (Pengurus Besar PBAPP), Maimunah Mohd. Sharif (Yang di-Pertua MPSP) dan Micheal Tan Cheong Heng (Ahli Majlis bagi MPSP) turut hadir pada majlis perasmian itu.

Kerja-kerja menaik taraf taman tersebut antaraya membabitkan pembangunan dewan terbuka, laluan pejalan kaki, *jogging* dan berbasikal, pembinaan trek *jongging, jungle track,* pembinaan platform cerapan dan wakaf, tandas awam, lanskap dan sebagainya.

Guan Eng turut mengalu-alukan lebih banyak badan korporat melakukan projek tanggungjawab sosial korporat (CSR) serupa PBAPP.

"Saya berharap ini akan menjadi inspirasi kepada lebih banyak organisasi korporat tempatan untuk memberi semula sesuatu yang baik kepada rakyat Pulau Pinang," ujar beliau.

Tambahnya, urusan menyelenggara taman tersebut akan diserah kepada Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) sejurus kerja-kerja menaik taraf selesai sepenuhnya.

Sebelum itu, Jaseni turut merakamkan penghargaan kepada Guan Eng kerana menyempurna majlis perasmian taman tersebut.

"Ini adalah projek hijau yang mesra rakyat," ujar beliau semasa menyampaikan ucapan alu-aluan.

Terdahulu, Guan Eng pada 11 Januari lepas merasmikan majlis pecah tanah projek tersebut.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih merangkap Ahli Parlimen Bagan berkata, projek tersebut dijangka siap pada Julai lepas.




**(Dari kiri), NG Wei Aik, Steven Sim Chee Keong, Jaseni Maidinsa, Lim Guan Eng, Maimunah Mohd. Sharif, Chong Eng, Afif Bahardin, Rozali Mohamud dan Micheal Tan Cheong Heng bergambar kenang-kenangan pada majlis perasmian pembukaan semula Taman Rekreasi PBAPP Bukit D.O. di sini baru-baru ini.**

## PGC umum pertandingan Raja Chef Hijau

Oleh: **SITI FAIRUZ YAHAYA**

**GEORGE TOWN –** *Penang Green Council* (PGC) akan menganjurkan pertandingan memasak buat tahun pertama dengan tema "Menerokai Rasa Yang Sihat" sempena Ekspo Hijau Pulau Pinang 2013.

Pengarahnya, Teh Yee Cheu berkata, pertandingan itu anjuran bersama anjuran bersama dengan Jasper Promenade Sdn. Bhd. dengan penajaan oleh Vees Marketing Sdn. Bhd., Yuen Chun Manufacturing Sdn. Bhd. dan *Tastefully Food & Beverage Expo*.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Bungah berkata pertandingan itu dihatap dapat melahirkan gaya hidup sihat dalam kalangan rakyat di negeri ini.

"Hari ini, ramai orang mengalami masalah berat badan disebabkan oleh pengambilan makanan segera (*fast food)* yang berlebihan.

"Faktor utama penyumbang kepada penyakit pada masyarakat kini adalah pengambilan diet yang tidak betul, pengambilan buah-buahan, sayur-sayuran, serat dan bijirin yang tidak mencukupi," ujar beliau di sini baru-baru ini.

Tambah beliau, saingan itu diharap turut dapat mempromosi amalan pemakanan berasaskan sayur-sayuran yang dikatakan mampu mengurangkan kesan karbon serta menjimatkan tenaga.

Yee Cheu turut mengumumkan nama Ketua Juri, Philip Yoong (selebriti Chef Pulau Pinang), Dennis Terng (Pengarah Urusan *Jasper Promenade*), Harries Chong (*Vees Marketing* - belum ditentukan lagi) dan Khoo An Jo (Ketua Pakar Pemakanan, Ketua Dietetik & Perkhidmatan Makanan Hospital Lam Wah Ee).

Penyertaan dibukan kepada seluruh warganegara berusia 18 tahun dan ke atas.Peserta bawah umum itu perlu ditemani waris jika ingin turut serta.

Mereka diminta menyiapkan tiga jenis hidangan berasaskan bihun atau mee, sayur-sayuran dan sup dalam tempoh 90 minit.

Beliau berkata, pemenang membawa pulang hadiah *Fuzzy Logic Intelligent Cooker* bernilai RM988, hamper sumbangan Yuen Chun bernilai RM138 dan RM168 serta baucar tunai sumbangan *Jasper* bernilai RM200 beserta sijil penyertaan.



**TEH Yee Cheu (empat dari kiri) bersama-sama pihak penganjur, penaja dan panel juri dalam sidang media bagi mempromosikan pertandingan tersebut di sini baru-baru ini.**




CHONG Eng (tujuh dari kiri) bergambar kenang-kenangan dengan wakil Kelab Lion, SNH serta penaja majlis amal itu dalam satu sidang media di sini baru-baru ini.

# Tahun kelima anjur *Walk For Sight & Sound 2013*

Oleh: **SITI FAIRUZ YAHAYA**

**GEORGE TOWN** - Kelab Lion untuk tahun kelima menganjurkan *Walk For Sight & Sound 2013* bagi mengumpul dana kebajikan untuk *St. Nicholas Home* (SNH).

Majlis amal itu akan diadakan pada 6 Oktober depan bermula jam 7:00 pagi bertempat di Taman Perbandaran Pulau Pinang di sini.

Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat berkata, Yang Di-Pertua Negeri, Tuan Yang Terutama Tun Abdul Rahman Abbas dijadualkan merasmikan majlis amal itu.

"Ini adalah program terbaik kerana tidak meminta apa-apa sumbangan dari kerajaan negeri," seloroh Chong Eng yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang.

Sebelum itu, pengerusi penganjur yang mahu dikenali sebagai Christina berkata, majlis amal itu diharap dapat menyemarak kesedaran berhubung ketidakupayaan penglihatan serta pendengaran orang awam terhadap golongan belia dan pelajar SNH.

Ujarnya, sumbangan yang diterima akan dimanfaatkan untuk tujuan pendidikan, menyediakan peralatan serta kemudahan untuk orang kurang upaya (OKU) di rumah anak yatim tersebut.

Beliau berkata, peserta majlis amal itu akan berjalan sejauh 3.8 kilometer secara berpasang-pasangan dengan mata salah seorang bertutup.

# KM cadang *crime map* cegah jenayah

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**TANJUNG BUNGAH –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng melahirkan idea mewujudkan *Crime Map* atau peta jenayah yang mendedahkan kawasan-kawasan tumpuan jenayah demi memelihara keselamatan orang awam.

Idea itu dicetuskan sebagai reaksi pada indeks jenayah di negeri berkenaan yang menyaksikan peningkatan sebanyak 4.7 peratus.

"Saya akan berbincang dengan Ketua Polis Negeri (Datuk Abdul Rahim Hanafi) tentang hal ini.

"Peta jenayah itu akan dibincangkan secara terperinci untuk mengenalpasti tempat-tempat kerap berlakunya jenayah lalu kita akan edarkan peta tersebut kepada orang ramai," ujar beliau Majlis Perasmian Taman Permainan Hijau bertempat di Straits Quay di sini baru-baru ini.

Tambah beliau, cadangan itu adalah sejajar dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk menjadikan Pulau Pinang Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat.

"Ini harus dipandang serius kerana sejak kita mengambil alih pada tahun 2008 hingga tahun 2012, kes jenayah semakin menurun, cuma tahun ini ada naik sedikit," ujar beliau lagi.

Dalam perkembangan lain, beliau turut memuji *Eastern and Oriental* (E&O) kerana membaik pulih taman tersebut yang didakwa rosak akibat vandalisme pihak tidak bertanggungjawab.

Difahamkan, taman berkeluasan hampir dua hektar yang dinaik taraf itu berkonsepkan taman permainan air, lengkap dengan lanskap serta tanaman pokok herba.

Sebelum itu, Pengarah Urusan E&O, Datuk Terry Tham Ka Hon berkata, projek tanggungjawab sosial korporat (CSR) bersama-sama menelan belanja RM3.5 juta dan akan diserah kepada Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP).

# Penyusuan bayi, perlu sokongan semua pihak

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**



SERAMAI 31 ibu-ibu turut serta dalam Projek *The Big Latch On 2013* dekat sini baru-baru ini.

**PERMATANG PAUH** – Tiada sesiapapun dapat menyangkal kehebatan susu ibu, sama ada kepada bayi mahupun sang ibu, walau bagaimanapun, terdapat beberapa kekangan untuk terus menyusukan bayi secara eksklusif selama enam bulan pertama kelahiran atau dilangsungkan sehingga tempoh 24 bulan," jelas Dr. Shima Jamal yang hadir menjayakan Projek *The Big Latch On 2013* baru-baru ini.

Antara kekangan yang sering dihadapi adalah ibu tidak mendapat secukup maklumat mengenai penyusuan, kehadiran susu formula yang memudahkan penyusuan serta persekitaran yang tidak kondusif.

Tambah Dr. Shima lagi, kajian membuktikan lebih dua juta kematian membabitkan kanak-kanak berusia sebulan sehingga kurang usia lima tahun, boleh dielakkan apabila penyusuan secara eksklusif diteruskan.

Justeru, sempena Sambutan Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia 2013, Kumpulan Pembimbing Ibu Menyusu Utara Malaysia merangka program-program dalam usaha menjadikan penyusuan terus relevan dan dipraktikkan tanpa batasan lokasi mahupun masa.

"Ibu bekerjaya juga mampu menyusu bayi mereka secara eksklusif kerana berkerja bukanlah alasan untuk tidak menyusukan permata hati.

"Waima, apa jua kerjapun, jika ibu mahu semuanya pasti boleh diusahakan," jelas Dr. Shima lagi.

Kerajaan Negeri juga telah melaksanakan pelbagai strategi bagi membantu ibu-ibu yang berkerjaya faham mengenai penyusuan. Antaranya mengadakan bilik atau ruangan untuk penyusuan di ) pejabat-pejabat kerajaan dan menjalankan program-program kesedaran mengenai kehebatan penyusuan dan susu ibu.

"Strategi serta program-program yang berterusan ini telah memperlihatkan perkembangan yang positif antaranya jumlah ibu yang terlibat dengan penyusuan eksklusif meningkat saban tahun.

"Pun begitu kejayaan penyusuan ini tidak boleh bergantung sepenuhnya di bahu ibu sebaliknya suami, ahli keluarga, majikan dan masyarakat perlu memberi sokongan kepada ibu untuk terus menyusukan bayi mereka secara eksklusif," jelas Dr. Shima yang turut menyampaikan syarahan '*Working & Breastfeeding, How to Make it Works?*, dekat sini baru-baru ini.

Acara kemuncak pada hari tersebut ialah penyusuan secara serentak yang disertai oleh 17 ibu-ibu. (Untuk rekod penuh layari *http://www.biglatchon,org//.)*

# Dari hobi jadi sumber pendapatan lumayan, Pakcik cekal cari bahan mentah

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar: **ALISSALA THIAN**



KAMARUL Baharin Harun dan isteri.



IKAN talang yang dijemur seharian.

**IKAN** masin mahupun ikan kering adalah dua jenis makanan tradisional yang menjadi kegemaran masyarakat Melayu, terutamanya ketika menjelang bulan Ramadhan ataupun keraian kerana rasanya yang enak dan sesuai sebagai pembuka selera.

Namun, bagi menghasilkan ikan masin dan ikan kering yang bermutu tinggi, bukanlah perkara mudah kerana pengusaha harus cekal dan sabar apabila mereka perlu turun ke laut bagi mencari bahan mentah untuk diproses menjadi ikan masin.

Hasil laut Pulau Pinang sudah semestinya bermakna dan istimewa bagi Kamarul Baharin Harun, 58 yang membangunkan perusahaan kecil berasaskan ikan untuk menaiktaraf ekonomi keluarga.

Skuad Jalan-jalan Buletin Mutiara selami perit jerih dan suka duka Kamarul, pengusaha kecil-kecilan produk berasaskan hasil laut, iaitu ikan masin dan ikan kering, di Kampung Telok Tempoyak, di sini baru-baru ini.

Tidak ramai golongan muda yang berminat untuk mengusahakan produk berasaskan hasil laut walaupun hakikatnya permintaan agak tinggi.

Mungkin kerana pekerjaan ini agak leceh dan tidak popular seperti bekerja di bandar.

Begitulah luahan Kamarul atau lebih mesra disapa sebagai 'Pakcik', pengusaha kecil-kecilan produk berasaskan hasil laut ketika ditemui di sini baru-baru ini.

Jelas Pakcik, perusahaan ikan masin dan ikan kering miliknya dimulakan sejak 14 tahun yang lalu. Pada ketika itu, dirinya hanya menjalani kehidupan sebagai nelayan dan tidak pernah memikirkan hasil tangkapannya untuk dijadikan produk makanan.

"Pakcik dulu buang sahaja ikan-ikan kecil yang ditangkap, tak pernah terfikir pun ia boleh diolah dan dijadikan ikan masin," ujarnya yang mempelajari selok-belok pembuatan ikan masin dan ikan kering dari teman-teman seperjuangan.

Pakcik yang sebelum ini pernah bertugas di Suruhanjaya Pelabuhan (kini dikenali sebagai *Penang Port*) mengakui ikan masin dan ikan kering buatannya kadang kala tidak dapat dihantar ke pasaran luar daerah berikutan permintaan daripada penduduk di kampungnya yang tinggi.

"Di sini penduduk suka menempah ikan masin dan ikan kering ini secara pukal terutama apabila mereka hendak mengadakan kenduri-kendara," jelasnya.

**Proses penghasilan ikan masin**

Sementara itu, Pakcik turut berkongsi tentang proses pembikinan ikan masinnya yang agak istimewa berbanding yang lain.

Bagi menghasilkan ikan masin yang berkualiti tinggi, ikan perlulah dibersihkan dengan baik dan teliti.

"Sisik ikan akan dibuang dan ada sesetengah jenis ikan, sisiknya tidak dibuang kerana menambah kerangupan ketika menggorengnya nanti.

Selepas dibelah, isi perut akan dikeluarkan dan dicuci sebanyak tiga kali.

"Isi perut memang kena buang untuk mengelakkan ikan menjadi busuk dan cepat dihinggapi lalat.

"Lepas cuci ikan tadi akan dimasukkan dan direndam ke dalam baldi atau tempayan berisi air," jelasnya.

Rendaman pertama untuk menghilangkan kesan darah, rendaman kedua adalah proses bilasan air bersih dan rendaman ketiga adalah bilasan air bersih yang perlu dilalukan ke atas ikan sebelum ikan direndam ke dalam tempayan bersama garam.

Tiga peringkat membasuh ikan masin tersebut adalah bagi memastikan ia benar-benar bersih dan apabila dikeringkan kelak akan bertahan lama.

Ujar Pakcik terdapat juga pengusaha ikan masin lain yang meletakkan bahan pengawet bagi memelihara keadaan ikan masin, namun beliau tidak berbuat demikian.

"Pakcik hanya gunakan garam sebagai bahan asas dalam perapan ikan.

Setelah diperap, ikan-ikan akan dikeluarkan dan disusun satu-persatu mengikut jenis dan saiz ikan bagi memudahkan kerja-kerja mengangkat ikan dan membungkusnya nanti.

"Ikan akan dijemur seharian dan akan diangkat pada sebelah petang.

"Pakcik kena pastikan ikan betul-betul kering bagi memastikan ia tahan lebih lama," ujarnya yang menunjukkan para-para yang diperbuat daripada bumbung zink dan kayu di halaman rumahnya di sini.

Selain pemprosesan ikan masin, Pakcik turut mengusahakan perniagaan menjual ikan kering dan ikan bilis dan belacan yang diambil di Tanjong Dawai, Kedah.

**Cabaran**

Antara cabaran yang dihadapi Pakcik adalah untuk mendapatkan bekalan ikan mentah daripada nelayan.

Jelas Pakcik, bekalan ikan yang diperolehinya adalah bergantung kepada hasil tangkapannya dan nelayan lain sama ada hasil pancing mahupun pukat.

Spesis ikan yang menjadi permintaan tinggi untuk dijadikan ikan masin adalah gelama, talang, tenggiri, kurau, kembong, duri, cencaru dan tamban.

Tambahnya selain kekurangan stok ikan, keadaan cuaca dan kawasan pemprosesan ikan masin yang terhad turut memberi cabaran buatnya.

**Harapan**

Dalam pada itu, Pakcik turut berkongsi harapannya untuk memperluaskan lagi perniagaan ikan masin dan ikan kering miliknya.

"Pakcik bercadang untuk meletakkan label sendiri pada setiap paket ikan masin dan ikan kering yang Pakcik hasilkan.

"Alhamdulillah, saban hari permintaan terhadap ikan masin dan ikan kering Pakcik bertambah dan Pakcik memang berhasrat untuk menambahkan lagi bilangan hasil produk ini," ujarnya yang kini menjadikan hobinya sebagai sumber pendapatan.

Bagi yang berminat untuk menempah atau bertanyakan lokasi kedai Pakcik boleh menghubunginya di talian 013-457 8230 atau 017-497 1320.



TAMBAN papan yang gebu dan sedap digoreng bersama bawang besar dan cili kering.

# *Judo* ajar jangan putus asa – Kah Ming

**BELIAU** merupakan salah seorang atlet Sukan Malaysia (SUKMA) Kali Ke-16 di Kuala Lumpur yang menyumbang emas kepada Pulau Pinang.

Kontinjen Atlet Negeri keseluruhannya membawa pulang lapan pingat emas, 19 perak dan 21 gangsa.

Pingat emas yang dimenangi itu dalam kategori *Judo Kata* Wanita berpasangan dengan seorang lagi atlet, Koo Kah Chien.

Koo Kah Ming, 19, semasa diwawancara oleh wartawan Buletin Mutiara (BM), **ZAINULFAQAR YAACOB** baru-baru ini berkongsi sedikit banyaknya pengalaman serta kejayaannya memburu kejayaan itu.

Kah Ming berkata, beliau bertuah kerana minatnya dalam seni *Budo* atau lebih tepat disebut *Judo* mendapat sokongan langsung daripada keluarga dan dua saudara kandungnya.

Abangnya merupakan pelatih judo dan beliau mula mendekati sukan itu pun hasil pelawaan abangnya.

Kah Ming merupakan anak tempatan Pulau Pinang dan kini bermastautin bersama keluarga di Air Itam.

Percaya atau tidak, Kah Ming mula menyertai *Judo* selepas peperiksaan Sijil Pelajar Malaysia (SPM).

Semasa di Sekolah Menengah Kebangsaan (Perempuan) St. George's dekat George Town, beliau tidak menyertai *Judo*.

Ertinya, beliau menyertai seni mempertahan diri itu sejak tahun lepas, sebelum dimahsyurkan sebagai juara kategori *Judo Kata* Wanita.

Sungguhpun sudah bergelar mahasiswa di *INTI International College Penang* (IICP) dekat Bayan Lepas, minatnya terhadap seni mempertahan diri *Judo* itu tidak pernah pudar.

"Selalunya latihan bermula jam lima, tetapi, sekiranya ada kelas pada jam enam (petang), saya akan datang selepas kelas," ujar beliau.

## Keistimewaan Judo

Seperti seni mempertahan diri lain, Kah Ming berkata, *Judo* juga mengajar pelatihnya erti kehidupan dan pri penting gaya hidup sihat.

"Dari sukan ini, saya belajar erti dan aplikasi hidup seperti jangan berputus asa.

"Dalam *Judo*, kita kita kena berdiri untuk membaling rakan (seperguruan) kita. Ada kalanya (dalam latihan), kita juga akan dibaling sampai jatuh.

"Sama lah dengan hidup, ada kalangan kita akan jatuh (menimpa kesusahan). Yang paling penting adalah, jangan putus asas untuk hidup dan bangun semula dengan harapan yang baru," ujar beliau.



KOO Kah Ming (kiri) bersama-sama pasangannya, Koo Kah Chien memagang medal emas yang dimenangi dalam SUKMA di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Katanya, rakan-rakan seperguruan bagaikan adik beradik kerana *Judo* mengajar erti kemanusiaan.

"Sukan ini boleh kata macam hobi saya juga lah. Selain bersenam untuk sihat badan, dalam sukan kita, kita dan rakan-rakan (seperguruan) macam keluarga juga lah."

"Hubungan antara kawan-kawan sangat rapat," ujarnya.

## Latihan

Kah Ming berkata, beliau berlatih di Pusat *Budo* dekat George Town tiap-tiap hari, kecuali Ahad dan Isnin.

Dalam seminggu, katanya lagi, beliau berlatih minimum 12 jam.

Baginya, fokus dan disiplin adalah antara kriteria penting mereka yang mahu serius dalam sukan *Judo*.

"Latihan perlu disiplin serta komitmen yang tinggi. Bukan senang dan perlu fokus," ujar beliau.

## Pengalaman

Beliau berkata, sepanjang dalam gelanggang latihan, beliau pernah tercedera sekali.

Itulah pengalaman peribadi.

"Saya pernah cedera di pergelangan kaki dan mengambil masa beberapa bulan untuk sembuh.

"Keluarga tidak kata apa-apa kerana kecederaan itu (adalah) kemalangan semata-mata. Tiada sesiapa pun mahu kemalangan yang tidak diingini.

Ditanya mengenai kejuaraan dalam SUKMA, beliau berkata, beliau sendiri tidak menyangka bahawa potensi latih tubi dalam gelanggang latihan membantu beliau di gelanggang sukan itu.

"Kali pertama masuk pertandingan ini. Perasaan saya bercampur-campur, ada rasa gemuruh, ada rasa tidak tahu, ada rasa mahu mencuba.

"Selepas beberapa kali di gelanggang, saya berasa ini seperti latihan juga," ujar beliau sambil ketawa.

## Harapan

Selepas bergelar juara berpasangan bagi *Judo Kata* Wanita, beliau berkata, secara peribadi mengaku bahawa beliau masih belum ada apa-apa rancangan lanjutan.

"Tiada apa-apa persiapan khususnya. Mula-mula saya masuk pun, tanpa persiapan mental dan fizikal.

"Selepas mengikuti kelas (latihan), pengalaman itu dengan sendirinya akan mempersiap saya. Sesiapa pun boleh sertai seni mempertahan diri ini tidak kira bangsa.

"Setakat ini, saya belum ada apa-apa rancangan khusus untuk melanjutkan pelajaran dalam seni mempertahan diri ini di luar negara seperti di Jepun. Jika ada peluang (ke luar negara), saya akan mempertimbangkan. Saya perlu lihat potensi saya dulu.

"Tetapi, saya senantiasa bersemangat untuk mengembangkan bakat dan pengalaman saya di sini (Pulau Pinang) dengan jurulatih saya," ujar beliau

Kah Ming turut merakaman penghargaan kepada Kerajaan Negeri kerana mengumumkan penambahan 50 peratus lagi dari jumlah insentif yang ditetapkan oleh Majlis Sukan Negeri (MSN) kepada semua atlet yang berjaya dalam SUKMA Ke-16 baru-baru ini.



KOO Kah Ming bersama-sama rakan seperguruan di Pusat *Budo* dekat George Town di sini.

# MPSP lancar *Eco Rangers* babit pelajar

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**BUKIT MERTAJAM** - Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) baru melancarkan program *Eco Rangers* dengan kerjasama Sekolah Menengah Kebangsaan Sains Tun Syed Sheikh Shahabudin (SMKSTSSS) bagi menggalakkan penyertaan golongan pelajar terhadap aktiviti memelihara dan memulihara alam sekitar yang membabitkan komuniti.

Setiausaha MPSP, Sr. Rozali Mohamud berkata, inisiatif seumpama itu adalah sejajar dengan fokus majlis untuk mengurangkan bajet tahunan untuk menguruskan sisa serta mengumpulkan sampah-sarap yang dianggarkan kira-kira RM86 juta.

"Melalui projek-projek hijau ini, kami (MPSP) berharap pelajar-pelajar dapat menimba pengalaman baru di (tapak pemajuan) projek-projek alam sekitar yang berbeza-beza," kata beliau pada satu majlis kehijauan serta menanam pokok di sekolah berkenaan di sini baru-baru ini.

Rozali berkata, sekolah itu dipilih untuk program *Eco Rangers* selepas memenangi beberapa program anugerah berkaitan aktiviti kehijauan, sebelum ini.

"Sekolah ini (SMK STSSS) pernah mewakili negara pada *Genius Olympiad* di New York pada bulan Jun dan meraih pingat emas," ujar beliau.

Sebelum itu, Pengetua SMK STSSS, Jamaluddin Yaacob berkata, pihak sekolah sedang giat mengadakan program penukaran segera sisa makanan, pusat kitar semula dan sebagainya.

"Setakat ini, sekolah kami adalah perintis dalam projek sangkar kucing yang dilancarkan tahun lepas di mana kami telah ditempatkan dan dijaga 38 hingga 40 kucing sesat di dalam ruang yang tertentu," katanya.

Pada majlis sama, Rozali dan Jamaluddin turut menanam pokok sebagai tanda simbolik bagi memperingati majlis pelancaran rasmi program ini.




**ROZALI Mohamud (berkopiah putih) menanam pokok sambil diperhati oleh Jamaluddin Yaacob (bersongkok hitam) dan peserta *Eco Rangers* yang lain dalam satu majlis simbolik di sini baru-baru ini.**


BERSATU DAN SETIA

**JABATAN KEWANGAN NEGERI PULAU PINANG**

## KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

Tawaran adalah dipelawa kepada Syarikat / Pembekal / Pengusaha yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bagi menyertai sebut harga berikut :

| Bil. | No. Sebut Harga JKNPP | Tajuk Projek | Tarikh Lawatan Tapak | Tarikh dan Masa Sebut Harga Ditutup |
|---|---|---|---|---|
| 1. | JKNPP 8 / 2013 | Sebut Harga Penyertaan Gerai Jualan, Pameran dan Medan Selera Pesta Pulau Pinang Tahun 2013 yang akan berlangsung dari 26 November 2013 hingga 31 Disember 2013 | Tarikh :<br>**26 Ogos sehingga 30 Ogos 2013. (Isnin - Jumaat)**<br><br>Tempat :<br>**Tapak Pesta Sungai, Nibong Pulau Pinang**<br><br>Jam : **9.00 Pagi - 4.00Petang( Isnin – Khamis )**<br>**9.00 Pagi – 12.00 T/hari ( Jumaat )** | Tarikh Tutup :<br>**03 Sept. 2013 ( Selasa )**<br><br>.Jam :**12.00 T/hari** |

1. Penyebut harga yang ingin menyertai sebut harga ini hendaklah mendapatkan borang sebut harga di Pejabat Urusetia Tapak Pesta Sungai Nibong, Pulau Pinang pada tarikh dan masa Lawatan Tapak di atas. Bayaran **RM 10.00** dikenakan bagi setiap borang sebut harga yang dijual dan **satu borang sebut harga hanya terhad untuk satu lot sahaja**. Borang sebut harga tidak boleh difotostat. Penyebut harga yang menggunakan borang yang difotostat tidak akan dipertimbangkan.
2. Penyebut harga boleh mendapatkan maklumat mengenai lot-lot yang hendak ditawarkan semasa lawatan tapak dijalankan. Pembahagian lot-lot gerai dan kawasan lapang adalah mengikut sektorsektor berikut :

- Permaidani
- Tekstil dan Pakaian
- Produk berasaskan kayu, Bingkai hiasan gambar dll.
- Automotif
- Makanan dan Minuman Ringan
- Industri Kecil & Sederhana
- Permainan Kanak-Kanak / Belon
- Industri Kecil & Sederhana
- Benih-benih tanaman
- Produk keluaran kilang
- Produk Kesihatan
- Produk Pelancongan
- Makanan & Minuman
- Hiasan Dalaman/Landskap
- Elektrik & Elektronik
- Produk Perubatan Tradisional, Herba, Gamat dan yang berkaitan
- Kraftangan / Batik

3. Bagi lot untuk **Medan Selera** adalah dikhaskan untuk perniagaan **makanan dan minuman sahaja** dan lebih diutamakan kepada **makanan tempatan** yang mempunyai tarikan tersendiri. Maklumat mengenai lot-lot yang ditawarkan boleh didapati semasa lawatan tapak dijalankan.
4. Dokumen sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam sampul dengan menyatakan lot gerai/kawasan yang dipohon di **penjuru sebelah kiri sampul.** Dokumen hendaklah dihantar secara manual dan dimasukkan ke dalam peti tawaran sebut harga di **Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang, Aras 23 KOMTAR, 10990 Pulau Pinang.** Tarikh tutup tawaran sebut harga ini ialah pada **03 September 2013 (Selasa) jam 12.00 tengahari. Sebut harga** yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.

# Fotografi mampu promosi Seberang Perai - KM

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**BUKIT MERTAJAM -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, penganjuran Pertandingan Fotografi Seberang Perai 2013 mampu menarik minat ahli-ahli fotografi untuk membantu Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) mempromosi lagi keindahan kawasan-kawasan berkenaan sebagai produk pelancongan negeri.

Beliau berkata demikian pagi tadi semasa merasmikan majlisp penyampaian hadiah kepada pemenang saingan tersebut di Kompleks Ibu Pejabat MPSP dekat Bandar Perda di sini baru-baru ini.

"Begitu penting gambar fotografi sungguhpun kadang-kadang dianggap hiburan, tetapi, hiburan ini boleh menggegarkan dan mengubah sejarah sesuatu negara (mempromosi lagi Seberang Perai sebagai produk pelancongan negeri).

"Dalam negeri yang mempunyai banyak sejarah seperti Pulau Pinang, kalau kita dapat tangkap (gambar) corak hidup yang unik (dan) istimewa penduduk di sini (Seberang Perai), saya berasa ini dengan sendirinya menjadi bahan promosi (pelancongan) untuk Pulau Pinang," ujar Guan Eng yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih.

Yang di-Pertua MPSP, Maimunah Mohd. Sharif turut berucap pada majlis tersebut yang diadakan serentak dengan Jamuan Hari Terbuka Aidilfitri MPSP.

Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong, Soon Lip Chee (ADUN Jawi), Sr. Rozali Mohamud (Setiausaha Majis bagi MPSP), Joie Koo (Pengasas *Allspire Photography*), Joe Sidek (Pengarah *George Town Festival 2013*, GTF) dan Ahli-ahli Majlis turut hadir pada keraian itu.

Sebelum itu, Maimunah merakamkan penghargaan kepada *Allspire Photography*, GTF dan syarikat penerbangan ringan Firefly atas penganjuran pertandingan tersebut.

Beliau berkata, semua gambar yang merakamkan keindahan Pulau Pinang akan diabadikan dalam *Coffee Table Book MPSP 2013* sebagai produk pelancongan.

"Saya juga tengah berbincang dengan *Penang Heritage Club*, bagaimana kita boleh mewujudkan seperti *Penang Stories* di sini (Seberang Perai).

"Penang Stories ini diwujudkan sebelum penganjuran *George Town Festival* hingga diiktiraf sebagai George Town Tapak Warisan Dunia oleh UNESCO (Organisasi Pendidikan, Keilmuan, dan Kebudayaan, PBB).

"Penyenaraian warisan dunia UNESCO satu bangunan (warisan pun boleh), pokok pun boleh, batu-batu pun boleh.

Seperti di Amsterdam (Belanda), gambar bunga tulip yang pelbagai warna (mengikut perubahan musim) pun dijadikan produk pelancongan dan inisiatif kita ke arah itu," ujar beliau.

Chin Pue Ling dengan gambar bertajuk "Teluk Air Tawar" menjuarai pertandingan itu.

Ooi Chean Sean dengan gambar bertajuk "Pantai Kamloon" dipilih sebagai naib juara, manakala, Adzha Mohd. Puaat dengan gambar bertajuk "Kampung Lubuk Meriam" di tempat ketiga.

Sebanyak 9 penama lain dipilih menerima saguhati.



**KETUA MENTERI (tengah) dan Maimunah Mohd. Sharif (kiri sekali) menerima penjelasan mengenai cerita di sebalik lukisan bertajuk 'Teluk Air Tawar' daripada juara, Chin Pue Ling.**

# Senamrobik MPSP promosi gaya hidup sihat

Oleh: **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**SIHAT...** Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) terus giat mempromosi gaya hidup sihat dengan menganjurkan senamrobik peringkat Seberang Perai Utara (SPU) baru-baru ini.

Yang di-Pertua MPSP, Maimunah Mohd. Sharif ketika ditemui dalam program di Taman Tugu Demokrasi dekat Butterworth berkata, aktiviti ini dijalankan sejajar dengan laungan slogan Pulau Pinang Bersih, Hijau, Selamat dan Sihat.




**(Dari kanan), ROZALI Mohamud, Maimunah Mohd. Sharif, Phee Boon Chee dan Jurulatih Senamrobik *My Shape Fitness Centre*, Aise Tan pada sesi senamrobik di Taman Tugu Demokrasi baru-baru ini.**

"Menyedari pentingnya menjaga kesihatan, MPSP dengan kerjasama *My Shape Fitness* Centre berusaha merangka satu aktiviti yang boleh dijalankan bersama rakyat Seberang Perai pada hujung minggu.

"Dengan adanya aktiviti senamrobik ini, diharapkan penduduk Seberang Perai dapat meluangkan masa untuk beriadah di samping mengeratkan silaturahim bersama komuniti," katanya di sini.

Setiausaha Majlis bagi MPSP, Sr. Rozali Mohamud dan dua orang ahli majlis MPSP, Tan Chee Teong dan Phee Boon Chee turut serta dalam program itu.

Selain di SPS, MPSP turut menganjurkan aktiviti senamrobik dengan warga setempat di daerah Seberang Perai Tengah (SPT) dan Seberang Perai Selatan (SPS).

# Pesta durian Ahli Majlis rai staf MPPP



**ANTARA suasana meriah yang sempat dirakam ketika jamuan makan durian di sini baru-baru ini.**

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**GEORGE TOWN -** Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) baru-baru ini menganjurkan jamuan durian bagi menghargai kakitangan sokongan serta anggota berpangkat rendah pihak berkuasa tempatan (PBT) itu.

Jurucakapnya, Ong Ah Teong berkata, keraian di perkarangan Bahagian Penguatkuasa dekat belakang pasar raya *Times Square* serupa seumpama itu merupakan kali ketiga dianjurkan oleh Ahli Majlis.

"(Jamuan itu) bertujuan menghargai jasa-jasa dan penat lelah anggota-anggota sokongan dan yang berpangkat rendah kerana seperti kita tahu kerja mereka memang mencabar," ujar beliau di sini baru-baru ini.

Menurut beliau, lebih 1,500 biji durian dijadikan untuk menjamu kira-kira 600 undangan.

Itu, termasuk durian jenis D24, *Hor Lor, Ang Hey* dan Musang King.

Selain durian, buah-buahan tempatan lain seperti manggis, rambut dan cempedak turut disajikan untuk hadirin.

Beliau berkata, jamuan pada hari tersebut dianggarkan menelan belanja kira-kira RM8,000.

# KN baiki, bina 48 rumah rakyat Seberang Perai

Oleh: **MOHD. HAFIZ TAJUDIN**

**PERMATANG PASIR** - 48 keluarga sekitar Seberang Perai menerima peruntukan khas Kerajaan Negeri bagi membaiki dan membina rumah masing-masing yang rosak akibat bencana baru-baru ini.

Majlis penyerahan kunci rumah kepada mangsa bencana disempurnakan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin.

Dr. Afif turut menyerah sumbangan barangan asasi kepada semua keluarga terpilih itu.

"Skim itu dibahagikan kepada dua kategori, untuk membina rumah-rumah baru pada harga maksimum RM33,000 dan untuk membaiki bumbung rosak pada harga maksimum RM11,000," jelas Dr. Afif di sini baru-baru ini.

ADUN Permatang Pasir, Datuk Mohd. Salleh Man dan Jusni Ismail (Pegawai Daerah Seberang Perai Tengah turut hadir pada majlis tersebut.

Dr. Afif yang juga Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan berkata, 24 buah keluarga dari Daerah Seberang Perai Utara, diikuti, Seberang Perai Tengah (15 keluarga) dan Seberang Perai Selatan (9 keluarga).

Justeru, beliau menasihatkan semua pihak yang layak supaya membuat permohonan bantuan melalui pejabat daerah masing-masing atau penghulu kampung.

"Syarat kelayakan utama permohonan ini adalah warga emas, ibu tunggal dan keluarga miskin," ujar Dr. Afif lagi.

Difahamkan, Kerajaan Negeri pada tahun ini memperuntuk RM2.2 juta bagi tujuan berkenaan.

Kerajaan Negeri pada tahun lepas membelanjakan RM1.47 juta bagi membaiki dan membina 106 unit rumah.

Manakala, pada tahun 2011 pula, Kerajaan Negeri membina 106 unit rumah yang menelan belanja RM1.44 juta.

Perkembangan terbaru ini sekaligus menyerlahkan komitmen Kerajaan Negeri dalam membela nasib keluarga terpilih di negeri berkenaan.



AFIF Bahardin (dua dari kiri) menyerahkan replika kunci rumah kepada salah seorang pemilik rumah (kanan sekali) yang siap dibaiki sambil disaksikan oleh Mohd. Salleh Man (tiga dari kiri) dan Jusni Ismail (kiri sekali)

# Flat Hamna dapat bumbung baru



T. JAYABALAN (baju bercorak petak) menunjukkan bumbung Flat Hamna yang siap dibaiki di sini baru-baru ini.

**BATU UBAN** – Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Uban, Dr. T. Jayabalan melawat Flat Kos Rendah Hamna dekat Sungai Dua bagi melihat sendiri bumbung flat yang baru dibaiki akibat kejadian ribut.

Jayabaan berkata, bencana itu pada 13 Jun lepas mengakibatkan kemusnahan harta benda 11 keluarga yang mendudukan rumah tingkat atas flat tersebut.

Beliau menyerahkan sumbangan negeri berjumlah RM200,000 peruntukan membaik pulih kerosakan serta memasang semula kabel elektrik, selain bantuan kecemasan kepada semua keluarga mangsa bencana.

"Kebajikan rakyat lebih utama. Memberi pertolongan segera kepada semua mangsa adalah sangat penting supaya mereka turut dapa meraikan Hari Raya (Aidilfitri) dengan lebih selesa," ujar beliau pada satu sidang media di sini baru-baru ini.

Menurut beliau, semua keluarga berkenaan ditempatkan di Dewan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Sungai Dua dan dibekalkan makanan serta keperluan berwajib lain.

Tambah beliau, kesemua mangsa bencana dibenarkan pulang ke kediaman masing-masing pada 15 Julai lepas, iaitu sejurus selesai kerja-kerja membaikpulih flat berkenaan.

Dalam perkembangan sama, Jayabalan turut menyampaikan sumbangan duit raya berjumlah RM200 kepada tiap-tiap keluarga mangsa bencana berkenaan.

# Rumah terbuka PPK Sungai Acheh penuh



MOHAMMAD Razak (berkopiah) dikerumuni kanak-kanak yang ingin mendapatkan duit raya.

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**SUNGAI ACHEH** – Majlis Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri bagi kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Sungai Acheh berlangsung penuh meriah dengan kehadiran masyarakat setempat yang berbilang kaum di Pusat Khidmat Masyarakat Pegawai Penyelaras KADUN (PPK) Sungai Acheh dekat sini.

PPKnya, Mohammad Razak berkata lebih 15 menu istimewa disediakan buat pengunjung yang hadir.

"Alhamdulillah sambutan yang diberikan sangat meriah.

"Memang tidak menang tangan melayani dan menyantuni pengunjung yang hadir," kata Mohammad sejurus selepas majlis tersebut tamat.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Bakap, Maktar Shapee dan Ahli Majlis Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Amir Md. Ghazali turut hadir dan meluangkan masa menikmati pelbagai juadah dan beramah mesra dengan pengunjung yang hadir.

Kira-kira 3,000 pengunjung daripada pelbagai latar belakang hadir majlis rumah terbuka Aidilfitri tersebut.

# Kebersamaan rakyat hakis asabiah – TKM1



PENGUNJUNG pelbagai bangsa kelihatan menikmati juadah pada Rumah Terbuka Aidilfitri di sini baru-baru ini.

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**BALIK PULAU -** Timbalan Ketua Menteri I, Mohd. Rashid Hasnon menasihati semua kaum supaya menyemarakkan lagi sikap kebersamaan serta menghakis ideologi asabiah melampau yang didakwa turut bertentangan dengan nilai-nilai Islam.

Menurut beliau, sikap saling prasangka hanya akan melemahkan kuasa rakyat dalam menghadapi pemimpin asabiah yang zalim.

"Saya juga percaya tiada agama yang mengajar kita melakukan kejahatan," ujar beliau pada majlis Rumah Terbuka Aidilfitri anjuran Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri Telok Bahang, Datuk Abdul Halim Hussain di sini baru-baru ini.

Mohd. Rashid berkata demikian semasa mengulas mengenai pengajaran al-Quran daripada ayat 13 dari Surah Al-Hujraat yang bermaksud, "*Wahai manusia, Aku jadikan kamu dari kalangan lelaki dan wanita serta bangsa-bangsa yang berbeza untuk kamu kenal saling mengenali antara satu sama lain.*"

Mohd. Rashid yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak sekali lagi berkata, sikap saling mengasihi sesama insan akan mendekatkan rasa kemanusiaan rakyat di negeri berkenaan terhadap rakyat yang ditindas seperti di Mesir, Syria dan Palestin belakangan ini.

Lanjutan itu, katanya lagi, bukan Melayu dan bukan Islam wajar dipelawa menyertai Rumah Terbuka Aidilfitri demi melahirkan sikap kebersamaan.

Dalam perkembangan sama, Abdul Halim turut menyempurna majlis pemberian duit raya kepada kira-kira 100 kanak-kanak.

Ahli Parlimen Nibong Tebal, Datuk Mansor Othman dan Ong Chin Wen (ADUN Bukit Tengah) antara dif kehormat yang hadir pada keraian di Dataran Muafakat, Taman Mini Balik Pulau tersebut.

# 500 serbu rumah terbuka ADUN Seri Delima



R.S.N. Rayer (berbaju Melayu hijau) tidak kekok melayani pengunjung yang hadir ke Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri Seri Delima di sini baru-baru ini.

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**SERI DELIMA** - Sambutan Aidilfitri tahun ini disambut meriah dengan lebih 500 orang pelbagai kaum mengunjungi Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri Seri Delima di Dewan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Taman Tun Sardon baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negerinya (ADUN), R.S.N. Rayer ketika ditemui berkata beliau amat terharu dengan sambutan yang diberikan dan mengambil peluang untuk bersua muka dan bersalaman dengan segenap tetamu yang hadir.

"Amalan seperti ini (mengadakan rumah terbuka) dapat memberi pengalaman baru kepada semua lapisan masyarakat berlainan bangsa dan budaya, terutama ketika menyambut sesuatu perayaan.

"Saya gembira dengan sambutan yang diberikan, kita dapat lihat pelbagai bangsa hadir bagaikan satu keluarga, sekaligus membuktikan sokongan mereka masih berkekalan," kata Rayer.

Tidak terkecuali Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Karpal Singh a/l Ram Singh yang turut hadir memeriahkan sambutan tersebut.

Dalam majlis yang sama, Karpal turut menyampaikan duit raya kepada kanak-kanak yang hadir termasuk sumbangan tiga unit kerusi roda kepada tiga warga emas di sini.

Pengunjung disajikan pelbagai juadah, kebanyakkannya menu tempatan seperti sate, kuah kacang, nasi impit, nasi minyak dan pek ole-ole.

# Sertai pertandingan 'tanglung hijau'



YAP Soo Huey (dua dari kanan) menyantuni Pengerusi JKKK Midlands, Alice Khoo Guat Cheng (kanan sekali) sambil melihat contoh tanglung di sini baru-baru ini.

**PULAU TIKUS –** Pertandingan reka eko-tanglung kanak-kanak akan diadakan pada 7 September depan di tingkat G, Plaza Gurney di sini sempena perayaan *Autumn Festival*.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Tikus, Yap Soo Huey berkata, usaha menghasilkan tanglung dari bahan kitar semula itu diharap dapat mempromosi lagi kempen kesedaran menjaga alam sekitar dalam kalangan kanak-kanak tempatan.

"Saya berharap program ini mendapat penyertaan kaum-kaum lain seperti Melayu, India dan lain-lain walaupun secara tradisinya ini merupakan budaya kaum Cina," ujar beliau pada satu sidang media di sini baru-baru ini.

Menurut beliau, program cakna alam sekitar itu dianjurkan secara bersama dengan Pusat Komuniti Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Taman Midlands.

Soo Huey berkata, pertandingan dibuka terhad kepada 100 peserta yang berumur 12 tahun dan ke bawah.

Syarat lain, katanya, lampu tanglung mestilah menggunakan bateri terpakai dan saiz tanglung tidak melebihi 12 inci tinggi, 12 inci lebar dan 12 inci panjang.

Semua tanglung yang dihasilkan akan dinilai oleh juri pertandingan dan aspek kreativiti akan diberi keutamaan untuk dipilih sebagai pemenang.

Beliau berkata, pemenang akan menerima hadiah berupa wang tunai RM500 serta piala.

Mereka yang berminat boleh mendapatkan borang penyertaan di Pusat Khidmat Bukit Bendera, 11A *College Square*, 10250 George Town atau hubungi 04-228 5298 untuk maklumat lanjut.

# PINDAAN KEPADA LALUAN BAS (CHANGES TO BUS ROUTES)

## LALUAN BARU (NEW ROUTES)

**Laluan/ *Route* 101**

**Pergi**: Pengkalan Weld - Gat Lbh Chulia - Lbh Chulia - Jln Penang - Jln Dr Lim Chwee Leong - Jln Ria (Komtar) - Jln Magazine - Jln Penang - Jln Burma - Jln Pangkor - Jln Kelawai - Jln Tg Tokong - Jln Tg Bungah - Terminal Bas Tg Bungah - Jln Bt Ferringgi - Jln Tlk Bahang - Jln Hassan Abbas. **Balik**: Jln Tlk Bahang - Jln Bt Ferringgi - Jln Tg Bungah - Jln Tg Tokong - Jln Bagan Jermal - Jln Burma - Jln Pangkor - Jln Perak - Jln Macalister - Jln Penang - Jln Transfer - Jln Sri Bahari - Jln Penang - Lbh Chulia - Gat Lbh Chulia - Pengkalan Weld - Pesara King Edward - Pengkalan Weld (Feri)

**Laluan/ *Route* 102**

**Pergi:** Dari LTAB Bayan Lepas ke Jln Masjid Negeri – Jln Ayer Itam – Jln Dato Keramat – Jln Penang - Jln Ria (Komtar) – Jln Macalister – Jln Anson – Jln Perak – Jln Macalister – Lebuhraya Peel – Jln Perak - Jln Pangkor – Jln Kelawai – Jln Tg Tokong – Straits Quay – Jln Tg Bungah – Jln Batu Ferringgi – Jln Teluk Bahang- Jln Hassan Abbas. **Balik:** Jln Teluk Bahang – Jln Batu Ferringgi – Jln Tg Bungah – Straits Quay - Jln Tg Tokong – Jln Bagan Jermal – Jln Burma – Jln Pangkor – Jln Perak - Jln Macalister – Jln Penang – Jln Ria (Komtar) – Jln Dato Keramat – Jln Ayer Itam – Jln Masjid Negeri ke LTAB Bayan Lepas

**Laluan/ *Route* 103**

**Pergi / Balik :** Komtar – Jln Penang – Jln Burma – Jln Pangkor – Jln Kelawai – Jln Bagan Jermal – Jln Burma – Jln Pangkor – Jln Sultan Ahmad Shah – Jln Larut – Jln Anson – Jln Macalister – Jln Penang – Jln Dr Lim Chwee Leong – Jln Magazine – Lbh Lintang (Komtar)

**Laluan/ *Route* 104**

**Pergi :** Terminal Bas Tg Bungah – Jln Lembah Permai – Lintang Lembah Permai 1 – Lrg Lembah Permai 3 – Jln Azyze – Jln Loh Poh Heng – Jln Sungai Kelian – Jln Tanjung Bungah - Jln Gajah – Jln Evergreen - Jln Fettes – Jln Mount Erskine – Pepper Estate – Jln Mount Erskine – Jln Burma – Jln Pangkor – Jln Kelawai – Jln Bagan Jermal – Jln Burma (Midlands Park).**Balik :** Jln Burma (Midlands Park) – Jln Burma – Jln Pangkor – Jln Kelawai – Jln Bagan Jermal – Jln Mount Erskine – Pepper Estate- Jln Fettes – Jln Evergreen – Jln Gajah – Jln Tg Bungah – Jln Sungai Kelian – Jln Loh Poh Heng – Jln Azyze – Lrg Lembah Permai 3 – Lintang Lembah Permai 1 – Jln Lembah Permai – Terminal Bas Tg Bungah

**Laluan/ *Route* 10**

**Pergi:** Pengkalan Weld – Jln Magazine – Lbh Lintang – Jln Ria (Komtar) – Jln Penang – Jln Burma – Jln Anson – Jln Larut – Jln Anson – Jln Perak - Jln Macalister – Jln Residensi – Jln Sepoy Lines – Jln Utama – Jln Gottlieb – Jln Bagan Jermal – Bulatan Persiaran Gurney – Jln Bagan Jermal – Jln. Gottlieb – Jln Kebun Bunga. **Balik:** Jln Kebun Bunga – Jln Gottlieb – Jln Bagan Jermal – Bulatan Persiaran Gurney – Jln Bagan Jermal – Jln Gottlieb – Jln Utama – Jln Macalister – Jln Residensi – Jln Utama – Jln Dato Keramat – Jln Perak – Jln Macalister – Jln Anson – Jln Burma – Jln Amaloon – Jln Larut – Jln Anson – Jln Macalister – Jln Penang – Jln Dr Lim Chwee Leong – Gat Jln Prangin – Pengkalan Weld – Pesara King Edward

**Laluan/ *Route* 304**

**Pergi :** Dari Bayan Baru ke Jln Masjid Negeri – Jln Scotland – Jln Utama – Jln Macalister – Jln Residensi (Hospital P.Pinang) – Jln Utama – Jln Dato Keramat – Jln Penang – Jln Ria (Komtar) – Jln Penang - Jln Burma – Jln Pangkor – Jln Kelawai – Persiaran Gurney. **Balik** : Persiaran Gurney – Jln Bagan Jermal – Jln Burma - Lebuhraya Codrington – Jln Yeoh Guan Seok – Jln Cantonment – Jln Macalister – Lebuhraya Peel – Jln Perak – Jln Macalister – Jln Penang – Jln Dr Lim Chwee Leong – Jln Ria (Komtar) - Jln Dato Keramat – Jln Ayer Itam – Jln Masjid Negeri Ke Bayan Baru



Laluan / Route 103



Laluan / Route 104



Laluan / Route 10



Laluan / Route 304